

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024**

HARI RABU : 16 OKTOBER 2024

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 11 HINGGA NO. 50)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN
CHIK [BALIK PULAU]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rancangan Kementerian meletakkan pakar pemakanan kanak-kanak (dietician) di sekolah-sekolah untuk memastikan murid-murid makan makanan berzat dan seimbang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk menyediakan akses pendidikan yang lestari dan berkualiti kepada semua murid secara saksama, tanpa mengira lokasi, status sosioekonomi, etnik, atau jantina. KPM juga memastikan murid menerima pemakanan seimbang dan bernutrisi sepanjang berada di sekolah bagi menyokong perkembangan mereka.

Pada ketika ini KPM telah menempatkan dietician di 5 buah Sekolah Sukan Malaysia (SSM) bagi tujuan memantau pemakanan atlet murid di sekolah tersebut. Ini memandangkan atlet murid berlatih sepenuh masa dan memerlukan pengambilan pemakanan yang sesuai bagi memenuhi keperluan kalori harian mereka.

Untuk sekolah harian setakat ini, KPM tidak merancang untuk menempatkan pakar pemakanan di sekolah. Walaubagaimanapun, KPM sentiasa bekerjasama rapat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai rujukan utama dalam hal pemakanan dan nutrisi. Melalui kerjasama ini, KPM telah melaksanakan Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) yang menyediakan 20 menu pilihan berdasarkan Piramid Makanan dan Saranan Pengambilan Nutrien Malaysia dari KKM. Mulai tahun 2022, pelaksanaan RMT telah ditambah baik dengan pemberian susu setiap hari persekolahan, berbanding dua kali seminggu sebelum ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara usaha KPM bagi memastikan murid-murid menerima nutrisi dan pemakanan seimbang adalah dengan menubuhkan Pasukan *Task Force* bagi Pemantauan Pematuhan Dasar Pengoperasian Kantin dan Koperasi sekolah mulai Julai 2024. Pasukan ini akan memastikan penjualan makanan dan minuman yang berkhasiat dan bernutrisi sahaja dijual di kantin sekolah selaras dengan surat pekeliling dan Panduan Pengurusan Kantin Sekolah Sihat 2011. KPM juga bekerjasama rapat dengan KKM dalam melaksanakan pemantauan penjualan makanan dan minuman yang dibenarkan dan berkhasiat sahaja dilaksana di sekolah.

SOALAN NO : 11

Selain itu, KPM telah melucurkan Kempen Amalan Pemakanan Sihat Peringkat Kebangsaan pada 14 Jun 2024. Kempen ini diteruskan di semua peringkat negeri, pejabat pendidikan daerah, dan sekolah, dengan tujuan meningkatkan kesedaran murid mengenai kepentingan amalan pemakanan sihat yang memenuhi keperluan nutrisi mengikut jantina. KKM turut terlibat dalam kempen ini, yang dilaksanakan secara berterusan sepanjang tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI]

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan bahawa pembangunan pusat data dan pengembangan liputan jalur lebar 5G di bawah JDN, MDEC dan DNB mencapai sasaran serta memberi manfaat kepada sektor awam, swasta dan rakyat terutamanya di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi memastikan pembangunan pusat data dan pengembangan liputan jalur lebar 5G negara mencapai sasaran serta memberi manfaat kepada sektor awam, swasta dan rakyat terutamanya di kawasan luar bandar, pelbagai langkah telah dilaksanakan antaranya:

a) MDEC

- i. Membangunkan Kerangka Pembangunan Industri Pusat Data yang merangkumi garis panduan termasuk kecekapan tenaga dan air serta amalan terbaik dalam kelestarian. Pusat data yang memenuhi kriteria tertentu termasuk kawasan strategik yang berdekatan dengan kawasan luar bandar, bertujuan bukan sahaja untuk merancakkan pelaburan, tetapi juga untuk memperkenalkan teknologi “pusat data hijau” yang lebih mesra alam dan berdaya tahan.
- ii. Menyasarkan sekurang-kurangnya 80% kawasan luar bandar mempunyai akses kepada 5G menjelang akhir tahun 2024. Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Groupe Speciale Mobile Association (GSMA) juga telah ditandatangani bagi mempercepatkan pembangunan aplikasi 5G yang akan memberi manfaat kepada sektor-sektor seperti bandar pintar, pendidikan, dan kesihatan.

b) JDN

- i. Menyediakan perkhidmatan gunasama MyGovCloud yang merupakan perkhidmatan pengkomputeran awan yang cepat, mudah, terkawal dan *flexible* kepada Agensi Sektor Awam bagi meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada Rakyat seperti MyGovCloud@PDSA dan MyGovCloud@CFA.

c) DNB

- i. Dalam Pembentangan Belanjawan Tahun 2023, DNB telah diarahkan untuk mencapai 80% liputan di kawasan berpenduduk di seluruh negara menjelang Disember 2023.
- ii. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga penghujung Ogos 2024, liputan rangkaian 5G di kawasan berpenduduk (Coverage of Populated Area atau COPA) di seluruh negara telah mencapai sehingga 82% liputan. Penyediaan rangkaian 5G ini juga tidak hanya tertumpu di kawasan berkepadatan tinggi dan bandar sahaja, memandangkan kira-kira 54% daripada keseluruhan tapak ini meliputi kawasan separa bandar dan luar bandar. Bagi kawasan Kuala Krai, liputan 5G telah mencapai sehingga 39%.
- iii. Pelaksanaan rangkaian 5G di Malaysia oleh DNB ini juga adalah merupakan antara pelaksanaan rangkaian yang terpantas di dunia, di mana 80% liputan rangkaian telah dicapai dalam 2 tahun sejak pengenalan perkhidmatan 5G di negara ini.
- iv. Kini, Kementerian Digital melalui Digital Nasional Berhad (DNB) sedang berkolaborasi dengan Syarikat Telco, SKMM dan pihak industri untuk mempromosi dan meningkatkan penggunaan 5G agar penggunaan rangkaian 5G secara menyeluruh dapat direalisasikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LEE CHEAN CHUNG
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN LEE CHEAN CHUNG [PETALING JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Kerajaan merancang untuk membantu perniagaan kecil dalam pelaksanaan e-invoicing yang wajib bermula 1 Ogos 2024, terutamanya dalam menyediakan infrastruktur dan latihan, serta untuk mengurangkan beban akibat kenaikan kadar Cukai Perkhidmatan dari 6% ke 8% bagi sektor logistik dan perkhidmatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fasa pertama pelaksanaan e-Invois telah bermula pada 1 Ogos 2024 yang melibatkan syarikat besar dengan perolehan jualan tahunan melebihi 100 juta ringgit. Fasa kedua akan bermula pada 1 Januari 2025 melibatkan syarikat dengan perolehan tahunan sebanyak 25 juta ringgit sehingga 100 juta ringgit. Manakala pelaksanaan e-Invois secara menyeluruh akan bermula pada 1 Julai 2025 yang melibatkan semua perniagaan termasuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Kerajaan sedar akan cabaran yang dihadapi PMKS dalam mengadaptasi e-Invois terutamanya dari aspek penerapan teknologi dan jurang kesediaan pengetahuan berkenaan e-Invois. Sehubungan itu, Kerajaan telah menyediakan tempoh peralihan selama 6 bulan yang memberi kelonggaran kepada PMKS untuk mengeluarkan e-Invois disatukan, iaitu e-Invois yang menggabungkan semua transaksi jualan setiap bulan dan dikemukakan kepada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dalam tempoh tujuh (7) hari pertama dalam bulan berikutnya. Sepanjang tempoh peralihan ini juga, penalti tidak akan dikenakan kepada perniagaan yang sekurang-kurangnya mengeluarkan e-Invois disatukan.

Selain itu, bagi peniaga kecil yang mempunyai jualan tahunan di bawah 150 ribu ringgit, Kerajaan juga telah bersetuju memberi pengecualian daripada pengeluaran e-Invois buat masa ini. Namun, Kerajaan menggalakkan penglibatan peniaga kecil dalam inisiatif e-Invois selaras dengan aspirasi negara ke arah pendigitalan perniagaan.

SOALAN NO : 13

Dari segi infrastruktur, LHDNM telah menyediakan Portal MyInvois dan Sistem *Point of Sales* (POS) yang boleh diakses dan digunakan secara percuma bagi membantu penghantaran e-invois kepada LHDNM. Sebagai tambahan, Aplikasi MyInvois Apps juga akan disediakan kepada pembayar cukai bagi memudahkan akses pada bila-bila masa dan di mana-mana. Penggunaan portal MyInvois ini tidak melibatkan kos tambahan kepada PMKS.

Bagi peniaga yang memilih untuk membangunkan sistem sendiri atau menggunakan pembekal teknologi, insentif cukai telah disediakan seperti berikut:

- a. Pengurangan tempoh tuntutan elaun modal daripada 4 tahun kepada 3 tahun bagi pembelian peralatan ICT dan pakej perisian komputer berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2024; dan
- b. Potongan cukai sehingga 50 ribu ringgit bagi setiap tahun taksiran bagi perbelanjaan yuran perundingan yang ditanggung PMKS mulai tahun taksiran 2024 hingga 2027.

Kerajaan akan terus komited untuk membantu semua syarikat termasuk PMKS sepanjang tempoh peralihan dalam melaksanakan e-Invois sepenuhnya. Sesi libat urus, aktiviti pendidikan dan *hand holding program* akan terus dipergiat di seluruh negara bagi menjelaskan proses dan mekanisme pelaksanaan e-Invois, di samping memberi bimbingan berhubung penggunaan Portal MyInvois.

Berhubung kenaikan kadar cukai perkhidmatan daripada 6% kepada 8%, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenaikan ini tidak melibatkan perkhidmatan yang digunakan oleh majoriti rakyat atau peniaga kecil seperti makanan dan minuman, telekomunikasi dan parkir kenderaan. Bagi pengendali perkhidmatan logistik, cukai perkhidmatan dikenakan pada kadar 6% bagi meminimakan sebarang impak apabila dijadikan sebagai perkhidmatan bercukai.

SOALAN NO : 13

Kemudahan pengecualian *business-to-business* (B2B *exemption*) dan layanan khas pengecualian cukai perkhidmatan turut diberikan ke atas perkhidmatan logistik tertentu sebagai langkah mengurangkan kesan *inherent weaknesses* seperti *tax on tax* dalam sistem perckaian semasa. Layanan khas ini bertujuan untuk terus menyokong pertumbuhan sektor logistik negara, mengurangkan impak kos pengeluaran industri dan pada masa yang sama memastikan pengguna termasuk peniaga tidak terbeban.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL
RAHMAN [LABUAN]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan Kementerian dalam menangani masalah harga tambang penerbangan domestik yang sangat mahal bagi sektor penerbangan Kuala Lumpur ke Labuan atau Labuan ke Kuala Lumpur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai sebuah Kerajaan yang berteraskan Malaysia Madani, Kementerian Pengangkutan (MOT) memandang serius akan keluhan dan rungutan rakyat mengenai harga tambang tiket penerbangan.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, harga tambang penerbangan ditentukan oleh kuasa permintaan dan penawaran. Secara amnya, harga tiket akan meningkat pada musim cuti dan perayaan disebabkan permintaan yang tinggi untuk tempoh perjalanan yang sama. Untuk tempoh puncak ini, permintaan adalah melebihi kapasiti yang boleh disediakan oleh syarikat-syarikat penerbangan.
3. Oleh yang demikian, bagi menangani masalah harga tiket penerbangan yang tinggi semasa musim puncak, MOT telah mengadakan perbincangan dengan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) dan syarikat-syarikat penerbangan domestik bagi memastikan harga tiket penerbangan yang ditawarkan adalah kompetitif. Hasil perbincangan tersebut, syarikat-syarikat penerbangan telah bersetuju untuk menambah kapasiti penerbangan dari semasa ke semasa bergantung kepada permintaan.
4. MOT melalui MAVCOM akan meneruskan pemantauan terhadap harga tiket penerbangan bagi semua laluan penerbangan domestik termasuk laluan-laluan di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.
5. Kebiasaananya, syarikat penerbangan akan mula menjual tiket seawal sembilan bulan sebelum tarikh penerbangan. Apabila harga tiket disemak satu atau dua minggu sebelum tempoh perjalanan, harga tiket kebiasaananya sudah tinggi. Ini adalah kerana harga tiket di bakul yang murah sudah habis dijual dan harga tiket di bakul yang tinggi sahaja yang tinggal.

SOALAN NO : 14

6. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan pada tahun 2023 telah memperkenalkan inisiatif FLYasiswa iaitu bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan untuk pelajar universiti awam, pelajar politeknik dan kolej komuniti di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) serta pelajar matrikulasi dan institut pendidikan guru (IPG) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi laluan domestik di antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi mengurangkan beban kewangan mahasiswa yang ingin pulang ke kampung halaman. Pelaksanaan inisiatif ini telah diteruskan pada tahun 2024 untuk manfaat hampir 60,000 mahasiswa terutamanya di Sabah dan Sarawak.
7. Inisiatif ini dilaksanakan melalui kaedah pemberian *credit shell* di mana syarikat penerbangan akan mengeluarkan baucar digital bernilai RM300 kepada setiap pelajar yang layak untuk ditebus bagi maksud pembelian tiket penerbangan bagi laluan-laluan domestik antara Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.
8. Seterusnya, Jemaah Menteri pada 13 Disember 2023 telah bersetuju dengan cadangan MOT untuk melaksanakan harga maksimum RM599 bagi tiket penerbangan sehala ekonomi dari Semenanjung ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Tempoh pelaksanaan inisiatif ini adalah pada 3 hari perjalanan sebelum tarikh sambutan perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitiri, Pesta Kaamatan, Hari Gawai dan Hari Krismas 2024.
9. Melalui inisiatif ini, harga maksimum tiket penerbangan kelas ekonomi sehala ditetapkan pada harga RM599 tidak termasuk cukai dan fi. Bagi tiket penerbangan kelas ekonomi yang melebihi RM599, Kerajaan akan membayar perbezaan harga antara harga asal tiket penerbangan dan harga maksimum tersebut.
10. Manakala tiket penerbangan yang berharga kurang daripada RM599 bagi laluan-laluan berkenaan akan dijual pada harga asal yang telah ditetapkan oleh syarikat-syarikat penerbangan. Ini tidak melibatkan sebarang subsidi bantuan tiket penerbangan oleh Kerajaan.

SOALAN NO : 14

11. Dalam hubungan ini, Kerajaan selanjutnya telah bersetuju supaya FLYsiswa serta inisiatif bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan sempena musim perayaan yang diluluskan di bawah inisiatif Belanjawan 2024 dijadikan inisiatif tahunan MOT.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha yang akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan kualiti pendidikan negara terus terjaga memandangkan Kementerian tidak akan mengembalikan UPSR dan PT3 kerana terdapat lebih kurang 10,177 orang pelajar tidak menduduki SPM pada tahun ini sejak Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

KPM sentiasa komited dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan pelbagai program dan inisiatif sebagai usaha memperbaiki kualiti pendidikan negara. Antara usaha dan penambahbaikan yang giat dilakukan kementerian ketika ini termasuk menyemak dan menilai kandungan kurikulum kebangsaan dengan memberi penekanan terhadap keperluan kandungan yang berfokus dan mendalam bagi pembelajaran secara aktif, menggalakkan penggunaan peranti digital dalam pembelajaran, dan meneliti semula syarat agihan bantuan yang memberi fokus kepada murid sosio ekonomi rendah.

Transformasi Pendidikan sepanjang tempoh pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Melalui inisiatif reformasi Pendidikan yang menyeluruh, pendidikan berteraskan kompetensi dan pembangunan holistik diharapkan dapat menjamin pendidikan yang berkualiti dan komprehensif.

KPM sentiasa melaksanakan penambahbaikan kepada sistem pentaksiran dan penilaian murid seiring dengan keperluan semasa. Dalam Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan, murid ditaksir melalui Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan Peperiksaan Pusat. Berikutnya pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) mulai tahun 2021 dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) mulai tahun 2022.

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dianggap sebagai pemangkin perubahan untuk KPM dalam beralih dari penilaian berdasarkan peperiksaan kepada penilaian holistik yang menumpukan perkembangan murid. Fokus pembelajaran bukan lagi hanya pada gred atau markah, tetapi kepada pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna dan menyeronokkan. PBS melibatkan komponen Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK), serta Pentaksiran Psikometrik (PPSi). Diperkenalkan sejak 2011 (sekolah rendah) dan 2012 (sekolah menengah), PBS membolehkan guru memantau perkembangan murid secara berterusan dan menilai penguasaan mereka terhadap Standard

SOALAN NO : 15

Pembelajaran. Guru juga boleh merancang dan mengubah suai kaedah pengajaran serta tindakan susulan untuk membantu murid meningkatkan tahap penguasaan pembelajaran. Pelaksanaan PBD yang berterusan memastikan murid bersedia dengan pengetahuan, kemahiran, dan nilai untuk tahap pembelajaran seterusnya.

Usaha KPM dalam meningkatkan kualiti pendidikan antaranya ialah pada bulan Mac 2024, KPM telah mengumumkan inisiatif intervensi kurikulum yang merupakan salah satu daripada hala tuju Reformasi Pendidikan yang sedang berjalan. Ia bertujuan menambah baik kurikulum sedia ada bagi memastikannya relevan dengan keperluan murid. Empat inisiatif intervensi kurikulum yang sedang dilaksanakan KPM adalah seperti berikut:

1. Dokumen Penjajaran KSSR (Semakan 2017) Edisi 3 yang melibatkan pengemaskinian dan penyusunan semula kandungan mata pelajaran Sains, Matematik, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris Tahap I sedia ada.
2. Pengesahan awal literasi dan numerasi yang bertujuan untuk mengenal pasti murid yang belum menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira serta memerlukan intervensi awal yang bersesuaian dengan kebolehan, keupayaan dan gaya pembelajaran mereka.
3. Pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang mesra ibu bapa bertujuan untuk memudahkan laporan tahap penguasaan PBD. Pelaporan tahap penguasaan Ujian Akhir Sesi Akademik bagi semua mata pelajaran juga ditukar dalam bentuk peratus dan gred dan boleh diakses secara dalam talian.
4. Penataran Dokumen Penjajaran KSSR (Semakan 2017) Edisi 3 disebarluaskan kepada semua guru mata pelajaran Sains, Matematik, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sekolah rendah menerusi penganjuran webinar.

Bagi menangani isu keciciran, Program Anak Kita diperkenalkan supaya isu keciciran ditangani secara kolektif dan bersasar. Program ini dilaksana dengan memfokus tiga tunjang utama iaitu Program

SOALAN NO : 15

3M (membaca, mengira dan menulis) bagi sekolah rendah, Program SPM (Sekolah Menengah) dan Program Murid Cicir (Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah). Inisiatif ini mengintegrasikan alat digital untuk bimbingan maya, penjejakan kemajuan, dan analitik data untuk memastikan murid yang berisiko ketinggalan dikenal pasti awal dan diberi sokongan yang disasarkan. Selain itu, ia turut memfokus meningkatkan peratus kelulusan calon SPM dengan intervensi khusus dalam mata pelajaran wajib lulus iaitu Sejarah dan bahasa Melayu supaya mereka layak mendapat sijil SPM serta menyokong mereka dalam subjek Bahasa Inggeris dan Matematik.

Kefahaman dan kerjasama antara guru, ibu bapa dan masyarakat adalah diperlukan bagi memastikan intervensi dapat dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai matlamatnya dalam usaha memastikan kualiti pendidikan negara yang dihasratkan oleh semua pihak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ROSLAN BIN HASHIM
[KULIM-BANDAR BHARU]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN ROSLAN BIN HASHIM [KULIM-BANDAR BHARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan Kerajaan berhubung kadar Pertukaran Efektif Sebenar (REER) negara yang berada dalam trend negatif antara tempoh Januari 2022 hingga April 2024 berbanding negara-negara jiran seperti Singapura, Filipina, Indonesia dan Thailand menurut laporan Bank Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kadar Pertukaran Efektif Nominal (NEER) merupakan indeks yang mengukur prestasi ringgit berbanding dengan mata wang rakan perdagangan utama Malaysia. Secara khususnya, prestasi NEER bergantung kepada perkembangan global dan serantau.

Bagi tempoh Januari 2022 hingga April 2024, NEER ringgit merosot akibat penyusutan nilai ringgit berbanding dolar AS dan mata wang rakan perdagangan Malaysia. Kemerosotan ini didorong oleh kenaikan kadar dasar yang lebih banyak dan agresif oleh bank pusat yang lain berbanding Kadar Dasar Semalam (OPR).

Namun begitu, jika dilihat dari sudut yang lebih menyeluruh, nilai ringgit mengukuh berbanding kesemua mata wang negara serantau dan AS pada tahun ini. Ringgit telah bertambah baik berbanding mata wang serantau dengan merekodkan peningkatan berbanding peso Filipina sebanyak +9.6 peratus disusuli dengan rupiah Indonesia (+8.7 peratus), dolar Singapura (+7.0 peratus) dan baht Thailand (+5.1 peratus).

Jika dilihat dari tempoh Januari 2022 hingga kini, prestasi ringgit mengatasi negara serantau dan hanya mencatatkan penurunan nilai berbanding dolar Singapura sebanyak -4.7 peratus dan baht Thailand (-2.4 peratus). Manakala, nilai ringgit turut mengukuh berbanding dolar AS pada tempoh yang sama sebanyak +1.3 peratus.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN
BANDY [KALABAKAN]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [KALABAKAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian bersedia untuk mengkaji kadar sedia ada Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) yang berjumlah RM1,500 bagi memastikan jumlah tersebut relevan dengan kos sara hidup semasa untuk digunakan sebagai persediaan para pelajar sebelum mendaftar ke IPTA dan politeknik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, kemudahan Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) sebanyak RM1,500 yang disediakan oleh PTPTN kepada pelajar yang layak adalah untuk membantu pelajar golongan B40 membuat persediaan atau perbelanjaan awal untuk mendaftarkan diri ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). WPP ini adalah sebahagian daripada jumlah pinjaman pendidikan yang akan diluluskan.
2. Selari dengan pengumuman YAB Perdana Menteri, merangkap Menteri Kewangan semasa pembentangan Belanjawan 2024, Kementerian ini telah mengeluarkan arahan kepada Universiti Awam (UA) iaitu bermula Januari 2024, yuran pendaftaran memasuki UA dihadkan tidak melebihi RM1,500. Pada masa yang sama, pelajar yang tidak mampu membayar yuran pengajian tidak akan diselek dari pada mendaftar subjek pada setiap semester, di mana bayaran boleh dilunaskan selepas pendaftaran subjek.
3. Mengambil kira arahan tersebut, jumlah WPP sebanyak RM1,500 bagi setiap pelajar adalah mencukupi untuk membantu pelajar membuat persediaan awal, selain yuran pengajian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB
[PARIT]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB [PARIT] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan kelebihan kompetitif minyak sawit negara ini yang boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan daya saing di peringkat antarabangsa khususnya dari segi teknologi dan piawaian kelestarian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Minyak sawit merupakan minyak sayuran yang lebih berdaya saing berbanding minyak sayuran utama dunia yang lain seperti minyak kacang soya dan minyak biji sesawi. Faktor utama yang menyumbang kepada harga minyak sawit yang lebih kompetitif ini adalah hasil (*yield*) yang 5 hingga 8 kali lebih tinggi berbanding minyak pesaingnya. Selain itu, pokok sawit juga merupakan tanaman kekal dan mampu mengeluarkan hasil sehingga 25 tahun manakala minyak biji sesawi, soya dan bunga matahari pula perlu ditanam semula setiap tahun.
2. Dari segi teknologi, industri sawit negara juga mempunyai kelebihan. Melalui perkembangan teknologi khususnya dalam teknologi ketepatan (*precision technology*), industri sawit Malaysia kini semakin berkembang dalam penggunaan teknologi canggih seperti dron, *artificial intelligence*, pengimejan satelit, dan sensor untuk memantau dan mengurus ladang dengan lebih berkesan. Pengadaptasian teknologi ini membantu mengoptimumkan penggunaan sumber seperti baja dan racun serta meningkatkan produktiviti, mengurangkan pembaziran akibat faktor persekitaran, cuaca, dan keupayaan manusia yang terbatas.
3. Dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D), Malaysia melalui institusi penyelidikan seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), telah berjaya menghasilkan varieti bahan tanaman sawit baharu dengan hasil yang lebih tinggi, kualiti minyak yang baik, dan penyesuaian yang lebih baik kepada perubahan iklim. Teknologi bioteknologi, pembiakan, dan pengklonan yang diusahakan oleh MPOB ini telah menghasilkan siri bahan tanaman atau benih yang sesuai untuk memenuhi permintaan minyak sawit di pasaran tempatan dan global.

SOALAN NO : 18

4. MPOB juga telah membangunkan Sistem Pengurusan Pintar Sawit (*Sawit Intelligent Management System - SIMS*) untuk memudahkan pengurusan data sepanjang rantai bekalan industri sawit. Sistem kebolehjejakan (*traceability*) ini menekankan pengawalan kendiri dan meningkatkan keselamatan, sekaligus memperkuuhkan daya saing minyak sawit Malaysia di pasaran antarabangsa.
5. Dari aspek piawaian kelestarian, Kerajaan telah melancarkan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) sejak tahun 2015, selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals - SDG*). MSPO bertujuan memastikan minyak sawit Malaysia dihasilkan secara mampan, menekankan aspek undang-undang, sosial, dan alam sekitar. Pensijilan ini membantu memenuhi piawaian global dan meningkatkan keyakinan pengguna, terutamanya di pasaran yang prihatin terhadap isu penebangan hutan dan kerosakan alam sekitar. MSPO 2.0 yang terkini, memberi penekanan yang lebih tinggi terhadap amalan mampan serta mengambil kira perubahan keperluan kelestarian global.
6. Kesemua kelebihan ini telah meningkatkan daya saing minyak sawit negara di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI
[SRI AMAN]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI [SRI AMAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penjelasan terperinci tentang usaha-usaha Kementerian dalam menangani peningkatan kes jenayah dan keganasan hingga berlaku pembunuhan yang semakin meningkat dan membimbangkan serta bagaimana pihak berkuasa memperkuuh langkah-langkah pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam dalam negara memainkan peranan amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampuan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.

Bagi mengawal peningkatan kadar jenayah dan keganasan dalam negara, beberapa program/ aktiviti telah dilaksanakan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang bertujuan untuk memastikan usaha pencegahan jenayah dan keganasan secara efektif berjaya dilaksanakan. Antaranya adalah:

- (a) Penyelarasan kesukarelawan melalui Kepolisian Komuniti (*Coordinating Volunteerism through Community Policing-CVTCP*);
- (b) Aktiviti pencegahan jenayah bersama sektor swasta/ badan bukan Kerajaan (NGO);
- (c) Pelaksanaan program Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS);
- (d) Program *Townhall Discussion*;
- (e) Program *Community Engagement* (Hari Bertemu Pelanggan & *Talk to Us*);
- (f) Program Satu Masjid Satu Polis (1M1P);
- (g) Pelancaran Taman Angkat AMANITA;
- (h) Program AMANITA terhadap pencegahan jenayah;
- (i) Memberi pendedahan Pendidikan dan kesedaran undang-undang serta tanggungjawab pencegahan jenayah dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPTA/IPTS);
- (j) Memberikan kerjasama strategik dengan lain-lain agensi Kerajaan dalam pencegahan jenayah seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;

SOALAN NO : 19

- (k) Kolaborasi bersama Kawasan Rukun Tetangga (KRT)/ Skim Rondaan Sukarela (SRS) seperti mengadakan rondaan bersama masyarakat di sesuatu tempat;
- (l) Pelantikan Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) yang mana tujuannya untuk pencegahan jenayah dari akarnya umbi; dan
- (m) Program Kepolisian Komuniti bersama masyarakat setempat yang dapat mengeratkan hubungan PDRM dan masyarakat dan seterusnya mengurangkan peluang jenayah berlaku serta meningkatkan rasa aman dalam kalangan penduduk.

Selain itu, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) turut membantu pihak berkuasa menangani peningkatan kes jenayah dan keganasan antaranya melalui Rondaan Khidmat Masyarakat di Kawasan Komuniti ESSZONE dan Sempadan darat Sabah/ Sarawak-Indonesia dan melaksanakan Kawalan Sempadan Negara bersama PGA, PDRM. RELA juga membuat rondaan kawalan keselamatan setempat di kesemua 157 daerah RELA di seluruh negara.

Bagi membendung kegiatan ekstremis daripada menular di dalam negara sehingga boleh menimbulkan insiden keganasan, Kerajaan telah melancarkan Pelan Tindakan Malaysia bagi Mencegah dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan MyPCVE pada 30 September 2024. MyPCVE merupakan garis panduan utama dalam menyelaras peranan, strategi dan inisiatif tindakan oleh pelbagai sektor iaitu kerajaan, swasta, media massa, pendidikan mahupun pelbagai kategori kumpulan masyarakat. Kerangka ini menyasarkan untuk menangani ancaman fahaman pelampau keganasan bersandarkan kepada empat teras, iaitu pencegahan, penguatkuasaan, pemulihan dan pengukuhkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RUSHDAN BIN RUSMI
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [PADANG BESAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bersetuju untuk mengintegrasikan sekolah khusus seperti sekolah sukan atau sekolah seni dengan mata pelajaran teras TVET.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam menyediakan laluan pendidikan selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan memperkembangkan potensi murid secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Sehubungan dengan itu, sekolah-sekolah khusus seperti Sekolah Sukan Malaysia (SSM) dan Sekolah Seni Malaysia (SSeM) ditubuhkan bagi memberi peluang kepada murid yang cenderung dalam bidang sukan atau seni untuk mengembangkan bakat dan potensi mereka.

Matlamat utama sekolah khusus seperti SSM adalah untuk mengumpulkan atlet murid yang berpotensi supaya bakat cemerlang sukan dan akademik mereka dapat dipupuk serta dipertingkatkan di bawah bimbingan jurulatih yang berdedikasi serta guru-guru akademik yang terpilih. Manakala, matlamat utama penubuhan SSeM pula adalah untuk memberikan peluang kepada murid berkarya melalui lima bidang kesenian iaitu Muzik, Seni Visual, Seni Halus, Komunikasi Visual, Tari dan Teater dan seterusnya berjaya membina kerjaya melalui bidang yang diceburi tanpa mengabaikan akademik murid sama seperti pelaksanaan di sekolah harian biasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan kurikulum dan pakej mata pelajaran yang diikuti oleh murid di sekolah khusus adalah seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 9 Tahun 2016: Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Secara Berperingkat-Peringkat Mulai Tahun 2017 dan SPI Bil.6 Tahun 2019: Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (Menengah Atas) dan Pelaksanaan Pakej Mata Pelajaran Mulai Tahun 2020.

Sehubungan dengan itu, bagi murid di SSeM, kurikulum dan pakej mata pelajaran wajib yang perlu diikuti oleh murid tingkatan satu hingga tingkatan tiga adalah Pendidikan Kesenian, manakala bagi murid tingkatan

SOALAN NO : 20

empat dan lima, mata pelajaran pengkhususan yang wajib diikuti adalah Seni Halus, Komunikasi Visual, Reka Bentuk, Muzik, Tari dan Teater.

Bagi pendidikan berunsurkan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), murid-murid di SSM dan di SSeM juga wajib mengikuti salah satu mata pelajaran iaitu Reka Bentuk Teknologi (RBT) atau Sains Komputer dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga. Malah, dalam mata pelajaran pengkhususan di SSeM juga terdapat mata pelajaran berunsur TVET seperti Reka Bentuk.

Oleh yang demikian, bagi menjadikan TVET sebagai mata pelajaran teras di sekolah-sekolah khusus seperti di SSM dan SSeM, KPM berpandangan, pelaksanaannya kurang sesuai memandangkan jadual latihan sukan yang padat di SSM serta kurikulum wajib yang perlu diikuti oleh murid di SSeM menjadi keutamaan bagi mencapai matlamat penubuhan sekolah khusus tersebut.

Walau bagaimanapun, mata pelajaran TVET boleh ditawarkan sebagai mata pelajaran elektif bagi menyokong mata pelajaran teras yang diambil oleh murid di sekolah khusus seperti SMM dan SSeM bergantung kepada kesediaan fasiliti, ruang, peralatan, tenaga pengajar dan jadual waktu pembelajaran di sekolah berkenaan. Pemilihan mata pelajaran juga bergantung kepada fungsi dan matlamat sekolah khusus tersebut mengikut keperluan semasa di bawah kuasa pentadbir sekolah.

Sementara itu, bagi melahirkan murid yang mahir dalam bidang TVET, KPM turut menubuhkan Kolej Vokasional (KV). Matlamat utama penubuhan KV ini adalah bagi memberi laluan kepada murid yang cenderung kepada kemahiran secara amali dengan pelbagai tawaran program berkaitan TVET melalui Program Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dan Diploma di Kolej Vokasional.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG
[KOTA MELAKA]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta **MENTERI DIGITAL menyatakan:**

- a) langkah Kementerian untuk mengekang insiden data sektor Kerajaan didagangkan dalam DarkWeb; dan
- b) implikasi ketirisan data sebanyak 32% pada tahun 2023 seperti yang dilaporkan oleh CyberSecurity Malaysia kepada keselamatan dan kedaulatan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi mengekang insiden data sektor Kerajaan didagangkan dalam DarkWeb, langkah pemantauan dan pengesanan ancaman siber yang telah dilaksanakan oleh Kementerian antaranya seperti:
 - a. Menubuhkan pusat pemantauan yang aktif bagi mengawasi kegiatan mencurigakan di Dark Web. Dilaksanakan oleh Bahagian Perkhidmatan dan Teknologi Pre-Emptif, CyberSecurity Malaysia.
 - b. Menjalankan analisis data dan mengumpul maklumat mengenai kebocoran data yang melibatkan Kementerian dan agensi Kerajaan.
 - c. Menyediakan garis panduan dan latihan kepada kakitangan Kerajaan mengenai isu keselamatan siber serta langkah pencegahan kebocoran data.
 - d. Bekerjasama dengan agensi lain dan agensi penguatkuasaan undang-undang seperti Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) bagi memastikan tindakan segera dapat diambil terhadap sebarang insiden kebocoran data.

KETIRISAN DATA PADA TAHUN 2023

2. Isu ketirisan data tahun 2023 seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kota Melaka adalah melibatkan sebanyak 646 kes. Ini adalah yang tertinggi berbanding tahun 2022 iaitu hanya sebanyak 50 kes dan sehingga September 2024, terdapat sebanyak 427 kes yang telah dilaporkan kepada Kementerian ini.
3. Isu ketirisan data memberi kesan serius terhadap keselamatan dan kedaulatan negara. Ketirisan data boleh menyebabkan pendedahan maklumat sensitif seperti butiran peribadi rakyat, maklumat rahsia Kerajaan serta maklumat keselamatan yang boleh dimanipulasi oleh pelaku ancaman atau penggodam. Hal ini boleh membuka ruang kepada ancaman siber seperti risiko pengintipan, serangan penggodaman dan penyalahgunaan data yang akan merosakkan kepercayaan rakyat terhadap institusi Kerajaan.
4. Pihak yang tidak bertanggungjawab juga boleh menggunakan data yang terdedah untuk melakukan jenayah siber seperti pencurian identiti dan serangan terhadap infrastruktur kritikal negara. Tambahan pula, ketirisan data berpotensi merugikan ekonomi negara dan mencipta suasana ketidakstabilan. Oleh itu, langkah proaktif akan sentiasa diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan risiko kebocoran data dan memastikan keselamatan maklumat negara terjamin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan penggunaan tulisan Jawi di peringkat menengah atas, adakah telah dilakukan semakan bagi meneruskan tulisan ini dalam kalangan pelajar berkenaan sekiranya dalam proses pelaksanaan apakah mekanisme utama yang diambil kira bagi murid menguasai tulisan Jawi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited mengangkat martabat tulisan jawi melalui mata pelajaran pendidikan Islam pada peringkat sekolah rendah dan menengah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah melaksanakan semakan kandungan dan pembelajaran jawi pada peringkat menengah termasuk menengah atas dan akan dilaksanakan dalam Kurikulum Persekolahan 2027. Mekanisme utama yang diambil kira bagi murid menguasai tulisan jawi pada peringkat menengah adalah dengan memperkenalkan bidang jawi dalam mata pelajaran pendidikan Islam. Dalam konteks ini, KPM memberikan penekanan kepada pengukuhan dan pengayaan dalam kemahiran membaca dan menulis serta melestarikan tulisan jawi sebagai warisan budaya. Di samping itu, KPM juga terus mengekalkan penggunaan tulisan jawi dalam dokumen kurikulum dan buku teks.

KPM juga sedang membangunkan Modul Pengayaan Jawi bagi kegunaan murid sekolah menengah. Modul ini bertujuan untuk membantu memperkuuhkan lagi penguasaan kemahiran jawi dalam kalangan murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui kokurikulum pula, pelbagai aktiviti yang melibatkan tulisan jawi turut dianjurkan termasuk pertandingan khat jawi, bengkel seni kaligrafi dan kempen kesedaran tulisan jawi. Usaha ini diharap dapat memupuk minat dan mempertingkatkan kemahiran jawi dalam kalangan murid.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI ADNAN BIN HAJI ABU
HASSAN [KUALA PILAH]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJI ADNAN BIN HAJI ABU HASSAN [KUALA PILAH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan terbaru Ops Global serta apakah bentuk kerjasama antara Kementerian dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Pendidikan bagi membela hal ehwal dan kelangsungan pendidikan kanak-kanak yang diselamatkan menerusi operasi ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) memandang serius terhadap isu-isu berkaitan penyelewengan akidah dan jenayah yang dikaitkan dengan Global Ikhwan Service & Business Holdings Sdn. Bhd. (GISB Holdings Sdn. Bhd. - GISB) yang melibatkan amalan ajaran sesat, aktiviti perhambaan, eksloitasi kanak-kanak dan sebagainya.

Berdasarkan tempoh fasa siasatan pihak PDRM bermula 2 hingga 30 September 2024 pihak PDRM telah membuka sebanyak 94 kertas siasatan dengan pelbagai akta, 531 orang tangkapan dan sebanyak 11 kertas siasatan telah dituduh melibatkan (8) orang (OKT). Jumlah mangsa yang telah diselamatkan seramai 625 orang terdiri dariapada lelaki 308 orang dan perempuan 317 orang.

Pihak Polis Diraja Malaysia melaksanakan operasi ini dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara (AGC), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, Jabatan Kimia Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bagi membantu kanak-kanak yang menjadi mangsa dalam kes ini. Pihak KPWKM telah menjalankan tugas dengan memberi perlindungan dan perubatan kepada mangsa-mangsa yang terlibat.

Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melaksanakan program pendidikan untuk kanak-kanak rumah amal Global Ikhwan Service and Business Holding (GISBH) yang sedang mendapat perlindungan pihak berkuasa.

SOALAN NO : 23

Program pendidikan ini dirangka khusus untuk memberi akses pendidikan formal dan berstruktur kepada kanak-kanak terlibat bagi mengelakkan kecinciran pembelajaran. Seramai 68 orang guru KPM terlibat secara langsung dalam program ini.

Bagi memenuhi keperluan pendidikan untuk kanak-kanak yang tidak pernah mengikuti sistem pendidikan kebangsaan, program ini menggunakan Kit Program Transisi Tahun 1 dan Modul Program Intervensi Minda Sihat (PRISMA). Kit ini memberi penekanan kepada aspek sosioekonomi, kognitif dan fizikal kanak-kanak bagi membina keyakinan diri dan seterusnya sebagai persediaan holistik termasuk penguasaan literasi dan numerasi.

Modul yang digunakan turut menerapkan elemen yang dapat meningkatkan kesedaran tentang potensi diri serta memupuk keseimbangan kanak-kanak ini dari aspek jasmani, emosi, rohani, sosial dan intelek (JERSI) sebagai persediaan untuk menyesuaikan diri dengan suasana pembelajaran secara positif dan seterusnya mempersiapkan mereka untuk menghadapi suasana pembelajaran baharu. Selaras dengan agenda Pendidikan Manusiawi, KPM komited memastikan kanak-kanak terlibat mendapat peluang pendidikan terbaik dan tiada yang terpinggir.

Selain itu, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dengan kerjasama agensi terlibat seperti Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Akademi Kenegaraan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam tindakan mengatur Program Rehabilitasi Ahli-Ahli GISBH Secara Sukarela (Ahli yg masih bebas). Program ini diatur secara percuma, terbuka kepada semua ahli GISBH di semua peringkat umur seluruh negara. Mereka akan ditempatkan di beberapa Pusat Rehabilitasi dan mengikuti program ini hingga selesai.

Modul/silibus sepanjang program ini sedang dirangka mencakupi elemen akidah, syariah, kaunseling, kenegaraan, pendidikan dan kemahiran bagi memulihkan ahli GISBH dan persiapan untuk mereka kembali kepada

SOALAN NO : 23

masyarakat meneruskan kehidupan. Selepas berjaya menamatkan program ini, peserta akan turut dipantau dari masa ke semasa supaya tidak kembali kepada ajaran yang salah.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN]

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tarikh sasaran memulakan pembangunan Sistem Pengawasan Laut (SWASLA) di Pantai Timur susulan pengenalpastian lokasi strategik Remote Sensor Site (RSS) dan Main Control Centre (MCC) bagi menjamin keselamatan perairan wilayah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) menerusi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia sebagai agensi utama yang bertanggungjawab untuk penguatkuasaan undang-undang maritim di perairan Malaysia memainkan peranan yang sangat imperatif dalam melindungi kepentingan negara, memastikan kestabilan maritim, serta mendukung kedaulatan perairan. Dalam hal ini, bagi memantapkan lagi pengawasan maritim negara, APMM menggunakan Sistem Pengawasan Laut (SWASLA) untuk mengawasi pergerakan kapal dan bot serta melaksanakan penguatkuasaan mengikut keperluan berdasarkan maklumat yang diperolehi.

Dalam hal yang sama, untuk memastikan pemantauan maritim di kawasan Pantai Timur Semenanjung dimantapkan, APMM telah diperuntukkan sebanyak RM 10 Juta di bawah Peruntukan Pembangunan (DE) *Rolling Plan Keempat Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP4 RMKe-12)* Tahun 2024 bagi tujuan Kajian Perolehan Sistem Pengawasan Laut (SWASLA) Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Kajian tersebut akan memberi fokus untuk mengenal pasti teknologi terkini yang boleh diguna pakai, mencadangkan sistem yang bersesuaian, meneliti harga dan kos pembangunan serta mengenal pasti lokasi Main Control Centre (MCC) dan Remote Sensor Site (RSS) yang bersesuaian bagi tujuan pembangunan SWASLA tersebut.

Pada masa kini, Kajian tersebut masih sedang berjalan dan dijangka dapat disempurnakan pada bulan Disember 2024. Setelah kajian ini selesai dilaksanakan, APMM akan mengangkat permohonan peruntukan pembangunan SWASLA Pantai Timur secara menyeluruh di dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK -13) yang akan bermula pada tahun 2025. Pembangunan projek SWASLA Pantai Timur ini dijangka akan dapat direalisasikan pada suku pertama tahun 2026 tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan peruntukan daripada Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk membayar jumlah hutang Kerajaan setakat bulan April 2024 sebanyak RM1.22 trillion dan apakah strategi selanjutnya untuk mengurangkan hutang Kerajaan pada tahun-tahun akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga akhir-Jun 2024, hutang Kerajaan Persekutuan mencatat sebanyak RM1,227.5 bilion. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2024, pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM112.5 bilion, lebih rendah berbanding RM128 bilion bagi tempoh yang sama pada 2023. Dalam hal ini, kadar pertumbuhan hutang Kerajaan Persekutuan telah menunjukkan trend penurunan jika dinilai secara tahunan iaitu pada kadar 8.6% pada 2023 berbanding 10.2% pada 2022 dan 11.4% pada 2021. Kadar pertumbuhan hutang bagi tahun 2024 dijangka terus berkurang kepada sekitar 7.5%. Trend penurunan ini menunjukkan komitmen Kerajaan untuk memastikan nisbah hutang kepada KDNK dapat dikurangkan supaya tidak melebihi 60% dapat dicapai dalam tempoh jangka sederhana seperti yang ditetapkan dalam Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850].

Secara amnya, setiap tahun Kerajaan perlu membuat pinjaman bagi membiayai defisit fiskal dan membuat bayaran balik hutang yang matang berikutan kedudukan kewangan Kerajaan yang masih dalam defisit. Terimaan pinjaman yang digunakan bagi membiayai defisit dan bayaran balik hutang matang adalah dibenarkan berdasarkan kepada peruntukan yang dinyatakan dalam Akta-Akta berkaitan pengurusan hutang Kerajaan Persekutuan.

Dalam memastikan paras hutang terkawal dan terurus, beberapa langkah kawalan telah dan akan dilaksanakan dalam usaha mengurangkan paras hutang pada tahun-tahun akan datang. Antaranya:

- a. Meneruskan langkah konsolidasi fiskal secara beransur-ansur bagi memastikan pinjaman baharu adalah lebih rendah berbanding semasa pandemik tanpa menjelaskan pemulihan ekonomi negara. Paras defisit fiskal telah menunjukkan trend penurunan iaitu pada kadar 5% daripada KDNK pada tahun 2023 berbanding 5.5% pada 2022 dan 6.4% pada 2021. Defisit 2024 diunjur akan terus berkurang kepada 4.3%.

SOALAN NO : 25

- b. Defisit fiskal yang semakin mengecil menunjukkan komitmen Kerajaan bagi memastikan sasaran defisit fiskal yang ditetapkan dalam Akta 850 pada kadar 3% daripada KDNK dapat dicapai dalam tempoh jangka sederhana.
- c. Memperluas asas hasil dan memastikan kutipan hasil yang mampan supaya Kerajaan sentiasa mempunyai lebihan baki semasa serta dapat menampung sebahagian perbelanjaan pembangunan (DE). Pada tahun 2024, Kerajaan telah melaksanakan langkah meningkatkan kutipan hasil antaranya meningkatkan kadar cukai perkhidmatan daripada 6% kepada 8% dan pengenalan e-invois.
- d. Mengoptimumkan perbelanjaan awam antaranya menerusi pelaksanaan penyasaran subsidi diesel mulai 10 Jun bagi mengurangkan pembaziran dan ketirisan di samping melindungi kesejahteraan golongan rentan. Di samping itu, Kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa khas bagi merasionalisasi badan berkanun dalam menangani pertindihan fungsi sekaligus memastikan perbelanjaan yang cekap.
- e. Memastikan pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membayai DE yang ditumpukan kepada projek berimpak tinggi seterusnya memberi pulangan kepada negara dan rakyat dalam tempoh jangka masa panjang. Akta 850 menetapkan sasaran fiskal jumlah perbelanjaan pembangunan hendaklah tidak kurang 3% daripada KDNK.
- f. Menyemak semula kaedah pelaksanaan projek-projek mega dan kaedah pembiayaannya selain penetapan had siling jaminan Kerajaan melalui Akta 850 pada 25% daripada KDNK.

SOALAN NO : 25

Selain itu, Akta 850 yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2024 dijangka mampu menambah baik kemampunan hutang disokong oleh pelaksanaan Strategi Hasil Jangka Sederhana dan semakan semula perbelanjaan yang akan dibuat dengan lebih bertanggungjawab bagi mencapai sasaran objektif fiskal yang ditetapkan dalam Akta ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NURUL AMIN BIN HAMID
[PADANG TERAP]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN NURUL AMIN BIN HAMID [PADANG TERAP] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang dilaksanakan untuk memperkasakan Bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid bukan Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan dan Sekolah Persendirian Cina/Tamil yang lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bermatlamat untuk melahirkan murid yang dapat menguasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dengan fasih dan yakin. Langkah-langkah memartabatkan bahasa Melayu telah menjadi agenda institusi pendidikan khususnya di bawah enam agenda reformasi pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM mengadakan beberapa inisiatif dalam usaha meningkatkan penguasaan bahasa Melayu sebagai sokongan kepada peningkatan penguasaan bahasa Melayu murid iaitu;

- i. Pemerkasaan pendidikan bahasa Melayu melalui pelbagai strategi yang terkandung dalam Pelan Hala Tuju Memartabatkan Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025;
- ii. Pembangunan profesionalisme guru bahasa Melayu secara berterusan;
- iii. Peningkatan profesionalisme guru melalui Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru (UPBMG);
- iv. Penerbitan bahan rujukan, buku panduan dan pedoman bahasa Melayu yang boleh digunakan oleh murid dan guru; dan
- v. Pembangunan Jendela DBP sebagai pelantar pusat sehenti digital yang menyebarluaskan maklumat berkaitan bahasa, sastera, penerbitan dan bidang lain termasuklah sains dan teknologi.

KPM juga menjalankan hubungan strategik dengan pihak badan bukan kerajaan misalnya Majlis Bahasa Cina Malaysia (MBCM) yang sentiasa berkolaboratif melaksanakan program kebahasaan yang melibatkan murid sekolah jenis kebangsaan. Antara program kebahasaan seperti yang berikut:

- i. Program Perkampungan Bahasa Pulau Ketam pada 26 hingga 28 September 2024;

SOALAN NO : 26

- ii. Pelaksanaan Didik Hibur berdasarkan Digital pada 21 hingga 23 Jun 2024 yang melibatkan murid dari tiga buah sekolah SJKC dan sebuah sekolah menengah yang merupakan kerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka, MBCM dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Selangor; dan
- iii. Program Pemerkasaan Bahasa Melayu di SJK bagi memantapkan penguasaan kurikulum dan pedagogi bahasa Melayu dalam kalangan guru.

Selain itu, usaha meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah jenis kebangsaan dan sekolah persendirian Cina/Tamil yang menggunakan kurikulum kebangsaan, KPM turut mengadakan reformasi pendidikan. Satu daripada usaha reformasi pendidikan ialah intervensi kurikulum iaitu melalui penjajaran kurikulum bahasa Melayu Tahap I, penyediaan Modul Bimbingan (MOBIM) Tahun 1 dan Tahap II bagi membantu guru dan murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Bagi memastikan para pelaksana memahami usaha KPM, sesi penataran melalui webinar kepada guru-guru telah diadakan pada 30 Julai 2024 (Penjajaran Kurikulum) dan 2 Oktober 2024 (MOBIM Tahap II).

Bagi memperkasakan bahasa Melayu dalam kalangan sekolah persendirian Cina, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Pengembangan Bahasa Kebangsaan Pelbagai Kaum turut mengadakan program bersama-sama rakan senergi seperti Dong Zhong, Persatuan Kebudayaan Han dan Persatuan Bahasa Tamil Valarid Mandram.

Semua pelaksanaan aktiviti ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan keberkesanan penggunaan bahasa kebangsaan dalam kalangan murid sekolah dan seterusnya, memartabatkan bahasa Melayu bersesuaian dengan Dasar MBMMBI.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI
[BATANG LUPAR]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI [BATANG LUPAR] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status terkini pelaksanaan Projek Mengatasi Banjir Pantai Negeri Sarawak dan apakah terdapat rancangan dalam tempoh masa terdekat untuk turut mengatasi masalah hakisan tebing pantai dan membina struktur tebatan banjir di sekitar kawasan Pekan Lingga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang melaksanakan Projek Mengatasi Banjir Pantai di Negeri Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dengan kos berjumlah RM316 juta. Pelaksanaan projek ini melibatkan 17 lokasi di enam (6) Bahagian iaitu Kuching, Betong, Mukah, Miri, Limbang dan Samarahan.
2. Pelaksanaan projek ini kelak dijangka akan memberi manfaat untuk mengurangkan impak kejadian banjir pantai ke kawasan penduduk di persisiran pantai, melindungi harta benda dan kawasan pertanian. Pelaksanaan projek ini melibatkan skop utama seperti membina struktur perlindungan banjir pantai dan kawalan hakisan serta kerja-kerja yang berkaitan.
3. Projek ini akan dilaksanakan secara reka dan bina dan sedang dalam proses perolehan. Berdasarkan perancangan, pelaksanaan kerja akan bermula pada Oktober 2025 dan tempoh pelaksanaan projek adalah selama lima (5) tahun.
4. Kementerian juga sedang menyediakan Pelan Induk Tebatan Banjir Batang Lupar yang melibatkan kawasan Pekan Lingga. Berdasarkan perancangan, kajian ini akan siap pada Disember 2025. Pelan induk ini akan menggariskan cadangan mengatasi banjir di kawasan Batang Lupar dan menjadi rujukan utama sebelum projek fizikal tebatan banjir dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI
[KUALA KEDAH]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI [KUALA KEDAH] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan strategi peningkatan penguasaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dalam kalangan pelajar di sekolah-sekolah arus perdana dan vernakular selaras dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memenuhi Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan berkaitan bahasa kebangsaan, KPM sentiasa berusaha meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah di arus perdana mahupun di sekolah vernakular. Langkah-langkah memartabatkan bahasa Melayu diperkuuhkan juga melalui penegasan Agenda Reformasi Pendidikan iaitu Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM mengadakan beberapa inisiatif dalam usaha meningkatkan penguasaan bahasa Melayu sebagai sokongan kepada peningkatan penguasaan bahasa Melayu murid iaitu;

- i. Pemerkasaan pendidikan bahasa Melayu melalui pelbagai strategi yang terkandung dalam Pelan Hala Tuju Memartabatkan Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025;
- ii. Pembangunan profesionalisme guru bahasa Melayu secara berterusan;
- iii. Peningkatan profesionalisme guru melalui Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru (UPBMG);
- iv. Penerbitan bahan rujukan, buku panduan dan pedoman bahasa Melayu yang boleh digunakan oleh murid dan guru; dan
- v. Pembangunan Jendela DBP sebagai pelantar pusat sehenti digital yang menyebarluaskan maklumat berkaitan bahasa, sastera, penerbitan dan bidang lain termasuklah sains dan teknologi.

KPM juga menjalankan hubungan strategik dengan pihak badan bukan kerajaan (NGO) misalnya Majlis Bahasa Cina Malaysia yang sentiasa berkolaboratif melaksanakan program kebahasaan yang melibatkan murid sekolah jenis kebangsaan. Antara program kebahasaan seperti yang berikut:

- i. Program Perkampungan Bahasa Pulau Ketam pada 26 hingga 28 September 2024;

SOALAN NO : 28

- ii. Pelaksanaan Didik Hibur berdasarkan Digital pada 21 hingga 23 Jun 2024 yang melibatkan murid dari tiga buah sekolah SJKC dan sebuah sekolah menengah yang merupakan kerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Majlis Bahasa Cina Malaysia (MBCM) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Selangor; dan
- iii. Program Pemerkasaan Bahasa Melayu di SJK bagi memantapkan penguasaan kurikulum dan pedagogi bahasa Melayu dalam kalangan guru.

Selain itu, usaha meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah kebangsaan dan sekolah vernakular, KPM turut mengadakan reformasi pendidikan. Satu daripada usaha reformasi pendidikan ialah intervensi kurikulum iaitu melalui penajaran kurikulum bahasa Melayu tahap I, penyediaan Modul Bimbingan (MOBIM) Tahun 1 dan Tahap II bagi membantu guru dan murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Bagi memastikan para pelaksana memahami usaha KPM, sesi penataran melalui webinar kepada guru-guru telah diadakan pada 30 Julai 2024 (Penajaran Kurikulum) dan 2 Oktober 2024 (MOBIM Tahap II). Bagi pemantapan guru bahasa Melayu, KPM juga memberikan Latihan Pembangunan Profesionalisme Guru BM yang mempunyai opsyen dan bukan opsyen. Antara kursusu tersebut iaitu;

- i. Intervensi Kecekapan Berbahasa Melayu
- ii. Pentaksiran Bilik Darjah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu
- iii. Pedagogi Terbeza dalam Bahasa Melayu
- iv. Pedagogi Alternatif Kesusasteraan Melayu
- v. Bengkel Intervensi Permerkasaan bahasa Melayu: Peningkatan Bertutur Guru Bahasa Melayu dalam aktiviti drama

Semua pelaksanaan aktiviti ini bertujuan meningkatkan keberkesanan penggunaan bahasa kebangsaan dalam kalangan murid sekolah dan seterusnya, memartabatkan bahasa Melayu bersesuaian dengan Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkuuh Bahasa Inggeris Dasar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHOW YU HUI [RAUB]

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN CHOW YU HUI [RAUB] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:

- (a) peranan dan tugas Cawangan Khas (Special Branch) dalam Polis Diraja Malaysia dan bilangan anggota Cawangan Khas dalam PDRM setakat September 2024; dan
- (b) kelayakan untuk menjadi seorang anggota Cawangan Khas dan peruntukan tahunan yang disediakan kepada Cawangan Khas dalam PDRM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) peranan dan tugas Cawangan Khas (Special Branch) dalam Polis Diraja Malaysia dan bilangan anggota Cawangan Khas dalam PDRM setakat September 2024

Cawangan Khas (CK) Polis Diraja Malaysia (PDRM) merupakan salah satu daripada sepuluh (10) Jabatan dalam organisasi PDRM. Ia diterajui oleh seorang Pengarah berpangkat *Commissioner Police* (CP) dan mempunyai keanggotaan di seluruh negara.

CK PDRM ditubuhkan oleh Kerajaan bertujuan untuk mengumpul sebarang bentuk maklumat risikan keselamatan dalam negeri yang berkaitan dengan aktiviti subversif, penyuluhan, sabotaj atau mana-mana percubaan untuk melakukan aktiviti berkenaan. Tugasan ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 3(3) Akta Polis 1967. Maklumat-maklumat risikan keselamatan akan disalurkan kepada Jabatan-Jabatan Kerajaan yang berkaitan dan akan digunakan sebaiknya di dalam membuat keputusan demi menjamin keselamatan, ketenteraman awam dan kedaulatan negara daripada sebarang bentuk ancaman sama ada dari dalam maupun luaran. Selain menjalankan tugas utamanya dalam mengekalkan keselamatan, ketenteraman awam dan kedaulatan negara, CK PDRM turut memberi bantuan dan kerjasama dalam operasi Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) dan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) yang membawa kejayaan yang besar kepada PDRM.

Sejak penubuhannya pada tahun 1949, peranan CK PDRM terus berkembang dari semasa ke semasa seiring dengan perkembangan trend ancaman keselamatan negara masa kini. Justeru, CK PDRM sentiasa proaktif melaksanakan tanggungjawabnya bagi mengekalkan identiti sebagai sebuah badan perisikan utama negara.

Berhubung jumlah dan pecahan statistik perjawatan CK PDRM, atas faktor kerahsiaan tidak dapat didedahkan demi menjamin keselamatan dan kerahsiaan agensi tersebut.

SOALAN NO : 29

Tuan Yang di-Pertua,

(b) kelayakan untuk menjadi seorang anggota Cawangan Khas dan peruntukan tahunan yang disediakan kepada Cawangan Khas dalam PDRM

Pegawai dan anggota CK PDRM direkrut daripada kalangan pegawai dan anggota PDRM dari seluruh negara. Kelayakan untuk mana-mana individu untuk menyertai CK PDRM adalah sama dengan kelayakan kemasukan bagi anggota dan pegawai PDRM lain iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk jawatan konstabel, Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia/Diploma untuk jawatan Sarjan dan Ijazah Sarjana Muda untuk jawatan Inspektor.

Tuan Yang Di Pertua,

CK PDRM menerima peruntukan yang diperuntukkan kepada PDRM melalui peruntukan tahunan. Untuk tahun 2014, PDRM menerima peruntukan Belanja Mengurus (*Operating Expenditure – OE*) dan Belanja Pembangunan (*Development Expenditure – DE*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan syarat-syarat dan kriteria yang telah ditetapkan oleh Kementerian untuk wakil rakyat bukan Kerajaan melibatkan diri dalam program-program anjuran sekolah di kawasan masing-masing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menetapkan garis panduan bagi undangan atau lawatan orang kenamaan dan ahli politik ke institusi pendidikan bawah KPM.

Oleh itu, melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 4 Tahun 2023, bertarikh 21 Februari 2023, semua urusan melibatkan orang kenamaan dan ahli politik, sama ada daripada blok kerajaan atau pembangkang, perlu mendapatkan kebenaran daripada KPM melalui Pengarah Pendidikan Negeri sebelum memasuki sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketetapan ini adalah bagi memastikan keselamatan, kesejahteraan dan kebajikan warga sekolah serta menjamin keselamatan harta benda sekolah. Ketetapan ini juga selaras dengan konsep Melindungi Masa Instruksional (MMI) di sekolah bagi tujuan meningkatkan keberhasilan pembelajaran murid. Keprihatinan semua pihak dalam menjaga masa instruksional di sekolah adalah penting agar murid mendapat pembelajaran yang optimum.

Di samping itu, garis panduan dalam surat pekeliling ikhtisas berkenaan menetapkan syarat-syarat bagi penganjuran program/aktiviti/majlis yang melibatkan undangan dan lawatan oleh orang kenamaan dan ahli politik ke institusi pendidikan bawah KPM adalah seperti berikut:

- i. selaras dengan dasar, peraturan-peraturan pendidikan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa;
- ii. tidak melibatkan sebarang elemen politik, perkauman dan ekstremisme;
- iii. tiada sebarang aktiviti tidak sihat dan tidak bermoral yang boleh menjelaskan pemikiran murid;
- iv. tidak menjelaskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid
- v. tidak menjelaskan perjalanan peperiksaan awam;
- vi. tidak menyebabkan guru/pensyarah, murid dan warga institusi pendidikan menanggung sebarang liabiliti selepas program/aktiviti/majlis berakhir;

SOALAN NO : 30

- vii. tidak memberikan implikasi kewangan kepada KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, institusi pendidikan, pegawai, guru/ pensyarah serta murid yang terlibat;
- viii. tidak mengabaikan keselamatan atau kesihatan murid, guru/pensyarah dan warga institusi pendidikan;
- ix. tidak dibenarkan untuk membawa, mempamer atau menggunakan sebarang lambang parti dan berkempen tentang politik dalam premis institusi pendidikan;
- x. mendapat kebenaran bagi melaksanakan sebarang sidang media dalam premis institusi pendidikan;
- xi. dilaksanakan di luar waktu PdP dan di luar waktu persekolahan; dan
- xii. mematuhi syarat serta peraturan KPM dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD
DELI [JEMPOL]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD DELI [JEMPOL] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan dengan kadar peratusan penanaman semula pokok kelapa sawit yang dilaporkan masih rendah iaitu hanya sekitar 1.8 peratus setahun, apakah tindakan Kementerian bagi menggalakkan usaha penanaman semula agar pengeluaran sawit negara dapat melebihi 18.5 juta tan metrik setahun.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, purata peratusan tanam semula sawit di Malaysia bagi tempoh 10 tahun (2014 hingga 2023) adalah 1.9% setahun. Pada tahun 2023, sebanyak 131,917 hektar atau 2.3% daripada jumlah keluasan tanaman sawit telah ditanam semula. Hal ini disumbangkan oleh kadar penanaman semula yang rendah oleh pekebun kecil iaitu 0.9% bagi pekebun kecil tersusun dan 0.2% bagi pekebun kecil persendirian manakala kadar penanaman semula bagi estet adalah 3%. Kadar 2.3% tanam semula sawit ini masih rendah berbanding kadar tahunan yang digalakkan iaitu sebanyak 4% hingga 5% setahun.
2. Kementerian terus komited melaksanakan pelbagai langkah bagi menggalakkan usaha penanaman semula sawit. Antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak Kementerian adalah seperti berikut:
 - i. Menyokong syarikat perladangan, pengusaha dan pemilik kebun sawit dalam melaksanakan program tanam semula sawit bagi memastikan pokok sawit tua dan tidak lagi produktif ditebang dan ditanam semula; dan
 - ii. Menyediakan peruntukan sejumlah RM100 juta khusus untuk pekebun kecil persendirian yang layak bagi Program Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil Sawit (TSPKS 2.0) yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2024. Bantuan Kerajaan ini disediakan dalam bentuk hibrid iaitu 50% geran dan 50% pinjaman yang telah mula dilaksanakan pada 15 Januari 2024. Usaha ini dijangka dapat meningkatkan populasi pokok sawit yang matang penuh (9-18 tahun) dan lebih produktif untuk jangka masa panjang. Akhirnya, pengeluaran hasil BTS negara dapat ditingkatkan yang menyumbang kepada peningkatan pendapatan pekebun kecil sawit persendirian, sekaligus mengukuhkan pencapaian

SOALAN NO : 31

sektor komoditi sawit dalam menghadapi cabaran ekonomi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JONATHAN YASIN [RANAU]

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK JONATHAN YASIN [RANAU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kira-kira 22 buah sekolah di Ranau masih dalam skala 7. Apakah langkah-langkah proaktif di pihak Kementerian untuk membina lebih banyak bangunan sekolah yang baru di Ranau bagi menggantikan sekolah yang daif / tidak ekonomikal untuk diselenggara / tidak selamat diduduki / disyor roboh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa proaktif dan memberi keutamaan dalam usaha menangani sekolah yang mempunyai bangunan daif di seluruh negara termasuk di kawasan Ranau, Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 26 projek pembangunan semula bangunan daif di sekolah telah diluluskan dalam kawasan Parlimen Ranau dengan kos projek berjumlah RM419.84 juta. Sehingga 7 Oktober 2024, status pelaksanaan projek adalah 10 projek telah siap, lapan projek pada peringkat bina dan lapan projek pada peringkat prabina.

KPM juga telah mengemukakan permohonan menaik taraf atau pembinaan gantian bangunan daif bagi lima (5) buah sekolah di Parlimen Ranau dalam *Rolling Plan 5 Tahun 2025 RMKe-12* iaitu Sekolah Kebangsaan Marakau, Sekolah Kebangsaan Toboh, Sekolah Kebangsaan Togop Darat, Sekolah Menengah Kebangsaan Ulu Sugut (Malinsau) dan Sekolah Kebangsaan Mangkapoh. Namun, kelulusan dan pelaksanaan projek adalah tertakluk kepada agensi pusat, keutamaan serta kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Berhubung baki sekolah lain bagi projek menaik taraf atau pembinaan gantian bangunan daif di Parlimen Ranau, KPM melalui JPN Sabah sedang meneliti kebolehlaksanaan pembinaan bangunan gantian di sekolah tersebut sebelum dimohon secara berfasa kepada pihak agensi pusat untuk dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT). Kelulusan dan pelaksanaan projek adalah tertakluk kepada agensi pusat, keutamaan serta kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah pendatang tanpa izin yang makin berleluasa di negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) komited dalam memastikan keselamatan negara diutamakan dengan melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan serta tindakan pencegahan bagi mengelakkan berlakunya peningkatan jumlah pendatang asing tanpa izin (PATI) di negara ini. Daripada 1 Januari 2024 sehingga 30 September 2024, sebanyak 15,467 operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh JIM di seluruh negara melibatkan tangkapan seramai 35,422 orang PATI dan 1,262 orang majikan atas pelbagai kesalahan imigresen.

Di samping itu, Jabatan Imigresen Malaysia juga turut melaksanakan sebanyak 1,494 Operasi Bersepadu dengan lain-lain agensi penguatkuasaan di seluruh negara dengan tangkapan seramai 5,170 orang PATI dan 37 majikan atas pelbagai kesalahan imigresen bagi tempoh bermula 1 Januari 2024 hingga 30 September 2024.

Selain melaksanakan operasi penguatkuasaan, Jabatan Imigresen Malaysia juga turut memperketatkan kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk ke negara untuk memastikan hanya pengembara yang betuk-betul layak diterima masuk ke negara ini. Mulai 1 Januari 2024 hingga 30 September 2024, seramai 25, 214 pelawat telah ditolak kemasukan dari pintu-pintu masuk negara.

Dalam membanteras sindiket membawa warga asing, JIM bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) serta agensi-agensi penguatkuasa yang lain, akan meningkatkan lagi usaha membanteras sindiket membawa masuk pekerja asing secara haram. Sehingga bulan Oktober 2024, JIM telah berjaya menumpaskan 47 sindiket melibatkan 1,285 tangkapan ahli sindiket dan pendatang asing tanpa izin (PATI).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAACOB
[BERA]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengenai masalah yang dihadapi oleh syarikat penerbangan negara, Malaysia Airlines khususnya isu kelewatan dan perubahan masa serta apakah punca dan tindakan yang diambil bagi mengatasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menurut Malaysia Airlines Berhad (MAB), operasi syarikat penerbangan tersebut yang terjejas sejak kebelakangan ini adalah disebabkan oleh isu teknikal dan isu kekurangan bilangan pesawat untuk beroperasi. Faktor penyumbang kepada berlakunya masalah ini termasukkekangan rantaian bekalan komponen mekanikal (masa menunggu pesanan tempahan yang panjang), pesawat yang semakin berusia dan faktor luaran lain yang merupakan sebahagian daripada normalisasi berterusan operasi penerbangan di peringkat global pasca pandemik, termasuk ketersediaan pekerja mahir dalam bidang kejuruteraan penerbangan dan berkaitan.
2. Kekurangan bahan mentah juga didapati mengehadkan pengeluaran alat ganti yang memberi kesan kepada *Turn Around Time* (TAT) kepada pembekal enjin bagi semua pesawat. Kekurangan bahan mentah dan rantaian bekalan ini juga menyebabkan alat ganti yang ditempah mengambil masa yang lama untuk diperoleh.
3. Perkara-perkara yang telah dinyatakan menyumbang kepada bilangan ketersediaan pesawat untuk beroperasi ditambah pula dengan kelewatan penerimaan pesawat baharu pada tahun ini, menyebabkan bilangan pesawat yang sedia untuk beroperasi adalah kurang daripada perancangan asal.
4. Bagi memperkuatkan aspek-aspek penyelenggaraan pesawat, MAB telah mengambil beberapa langkah komprehensif seperti berikut:
 - i. Membatalkan beberapa rangkaian penerbangan dalam dan luar negara secara sementara. Langkah pembatalan rangkaian penerbangan ini adalah perlu bagi memastikan ketahanan jangka panjang pesawat dan keteguhan operasinya. Melalui pembatalan rangkaian penerbangan secara sementara ini akan membolehkan penyelenggaraan yang lebih proaktif dilakukan terhadap pesawat, mengurangkan risiko kerosakan pesawat dan memberikan

SOALAN NO : 34

- pengalaman penerbangan yang terbaik kepada pelanggan. Keputusan ini juga adalah untuk memastikan standard keselamatan MAB bukan hanya dikekalkan tetapi diperkuuhkan;
- ii. MAB juga telah menjalankan siasatan menyeluruh terhadap isu teknikal semasa dengan mengenal pasti dan membetulkan punca, serta menambah baik protokol dan prosedur penyelenggaraan bagi memastikan piawaian keselamatan yang ditetapkan dapat dicapai;
 - iii. Semua langkah penyelesaian masalah (*troubleshooting*) yang diperlukan untuk mengasingkan kerosakan sedang dilakukan menggunakan manual penyelenggaraan pesawat terkini yang telah diluluskan. Dalam hal ini, MAB telah menggunakan teknologi moden dalam penyelenggaraan pencegahan dan ramalan untuk menjangka dan menangani isu sebelum ianya menjadi kritikal;
 - iv. MAB juga sedang bekerjasama rapat dengan pengeluar pesawat dan enjin serta rangkaian pembekal yang berkaitan untuk menangani isu rantaian bekalan dan teknikal;
 - v. Di samping itu, MAB juga sedang memberikan tumpuan kepada peningkatan latihan dan pengambilan pekerja bagi menangani isu peningkatan permintaan dan kompleksiti pesawat moden; dan
 - vi. Secara kolektifnya, langkah-langkah ini dilakukan bertujuan untuk memulihkan keyakinan penumpang dan bagi memastikan penerbangan yang lebih selamat serta lebih dipercayai oleh penumpang.
5. Untuk makluman Ahli-Ahi Yang Berhormat juga, berdasarkan audit terkini Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) ke atas syarikat MAB, tempoh pembaharuan Sijil Perakuan Pengendali Udara (AOC) akan dikurangkan daripada tiga tahun kepada satu tahun sahaja bermula 1 September 2024 hingga 31 Ogos 2025. Oleh yang demikian,

syarikat penerbangan perlu melalui proses pengauditan sebelum AOC diperbaharui. Tempoh AOC yang lebih pendek akan mewajibkan audit yang lebih kerap. Hal ini bagi memastikan MAB mengambil tindakan-tindakan penambahbaikan sewajarnya sebagai mana pelan mitigasi yang telah dikemukakan oleh CAAM.

6. CAAM akan meneruskan pemantauan dan menjalankan pengauditan keselamatan terhadap semua pesawat yang dimiliki oleh syarikat-syarikat penerbangan yang beroperasi dalam negara dalam memastikan aspek-aspek keselamatan dan perihal selamat dipatuhi sewajarnya. Kementerian ini menegaskan bahawa Kerajaan tidak akan berkompromi dalam perkara yang melibatkan keselamatan penumpang penerbangan.
7. Pada April tahun ini, MAVCOM telah menentukan prestasi *On-Time Performance* (“OTP”) dan sasaran pembatalan penerbangan bagi syarikat penerbangan Malaysia yang beroperasi dari Terminal 1 dan 2. Syarikat penerbangan dikehendaki mencapai sasaran 85% OTP dan mengendalikan sekurang-kurangnya 80% daripada penerbangan berjadual mereka setiap bulan. Keputusan prestasi syarikat penerbangan itu diterbitkan di laman web MAVCOM.
8. Berdasarkan OTP MAB untuk penerbangan yang berlepas dari Terminal 1 pada bulan Ogos 2024, syarikat penerbangan tersebut merekodkan OTP 54.7% untuk penerbangan antarabangsa dan 58.2% untuk penerbangan domestik. Sebaliknya, bagi bulan September 2024 MAB telah menunjukkan peningkatan dengan OTP untuk penerbangan domestik dan antarabangsa masing-masing mencatat 78.1% dan 72.0%.
9. MAVCOM akan terus memantau kelewatan dan pembatalan penerbangan syarikat penerbangan melalui penyerahan data bulanan daripada syarikat penerbangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN]

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah cadangan Kementerian bagi mewujudkan industri sederhana berdasarkan kelapa sawit di daerah Sandakan untuk meningkatkan penggunaan minyak sawit dalam pelbagai produk yang berasaskan makanan dan bukan makanan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) sentiasa prihatin dan berusaha untuk memperkasa industri sederhana berdasarkan sawit negara. Antara fokus Kementerian adalah untuk meningkatkan pengeluaran produk sawit yang bernilai tambah (*value added*).
2. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sebagai agensi di bawah KPK telah menjalankan pelbagai jenis penyelidikan produk makanan berdasarkan sawit bagi pembangunan industri sawit. Antara produk makanan berdasarkan sawit yang boleh dikomersialkan oleh industri sederhana termasuklah sapuan coklat bebas lemak trans dan keju analog. Pada masa yang sama, aplikasi minyak sawit merah bagi pengkomersialan produk makanan masih belum diterokai sepenuhnya.
3. Di samping itu, MPOB juga telah menumpukan penyelidikan dalam bidang oleokimia untuk menghasilkan teknologi dan formulasi produk-produk bukan makanan yang mesra alam. Antara produk nilai tambah dari minyak dan oleokimia sawit yang telah dikomersialkan adalah seperti produk kosmetik dan dandanan diri serta produk detergen cecair dan serbuk. Di samping itu, MPOB juga menghasilkan produk-produk poliol dan poliuretana untuk pelbagai industri seperti kusyen, alas karpet, hiasan bangunan, perekat, pelekat dan penyalut, produk agro kimia, biopelincir, gris, bahan pemplastik untuk pembuatan pembalut plastik dan sebagainya. Penyelidikan dalam bidang ini giat dijalankan bagi menghasilkan formulasi atau produk baharu yang mampu memberi nilai tambah kepada minyak sawit Malaysia.
4. Bagi membantu industri kecil dan sederhana di Sabah terutamanya di Sandakan yang berminat untuk mencebur dalam bidang pembuatan produk hiliran bukan makanan, MPOB menyediakan khidmat nasihat dan kepakaran bagi pembuatan pelbagai produk pengguna. Manakala

SOALAN NO : 35

pekebun kecil sawit boleh membentuk usaha sama secara berkumpulan dengan menyertai Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM). KPSM berpotensi dijadikan platform untuk menceburi aktiviti perniagaan menggunakan teknologi yang dibangunkan oleh MPOB. Produk seperti sabun dan detergen berasaskan sawit yang mesra alam berpotensi dimajukan di Sandakan memandangkan ia adalah produk kegunaan harian semua lapisan masyarakat.

5. Bagi memastikan keberkesanan aktiviti penyelidikan, pembangunan, dan penyampaian maklumat, KPK telah menujuhkan Pejabat MPOB Wilayah Sabah di Kota Kinabalu, Stesen Penyelidikan di Lahad Datu dan MPOB cawangan Sandakan, Tawau dan beberapa kawasan di sekitar Sabah. Kemudahan tersebut ditubuhkan untuk menjalankan aktiviti penyelidikan dan bagi memastikan maklumat disampaikan kepada pemain industri sawit dengan lebih berkesan.
6. MPOB juga menawarkan peluang pemindahan teknologi bagi pengkomersialan pelbagai produk berasaskan sawit kepada penggiat industri dan syarikat tempatan di Sabah bagi mengalakkan penggiat industri di Sabah meneroka peluang bagi kemajuan industri sederhana berasaskan sawit. MPOB dengan kerjasama kerajaan negeri Sabah telah menganjurkan Seminar Pemindahan Teknologi Sawit MPOB (TOT) pada tahun 2022 bagi memberi pendedahan meluas berkaitan peluang perniagaan dalam industri sawit termasuk pengkomersilan produk makanan dan bukan makanan.
7. Oleh itu, penggiat industri dan syarikat tempatan di Sabah digesa untuk mengambil peluang ini bagi membantu mewujudkan industri sederhana berasaskan minyak sawit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU]

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status dan perkembangan terkini pembinaan 3 buah sekolah jenis kebangsaan (Cina) yang telah disenaraikan untuk dibina dalam kawasan Parlimen Tebrau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah meluluskan penubuhan sepuluh (10) buah SJKC baharu pada tahun 2017. Lima (5) buah daripadanya terletak di negeri Johor, manakala baki lima (5) buah SJKC lagi terletak di negeri Selangor.

Bagi Parlimen Tebrau, terdapat tiga (3) buah SJKC baharu iaitu SJKC Kuek Ho Yao di Mount Austin, Johor Bahru, Johor, SJKC Sim Mow Yu di Taman Bistari Perdana, Johor Bahru, Johor dan SJKC Tun H.S. Lee di Bandar Cemerlang, Ulu Tiram, Johor.

Permohonan bagi pembinaan SJKC Kuek Ho Yao di Mount Austin, Johor Bahru, Johor masih dalam proses kelulusan pembinaan. KPM telah mengemukakan ulasan teknikal berhubung reka bentuk pembinaan dan pasca pembinaan pada Mac dan Ogos tahun 2023 untuk tindakan selanjutnya Jawatankuasa Pembinaan Sementara (JPS) SJKC Kuek Ho Yao supaya pelan bangunan sekolah tersebut dikemas kini oleh perunding arkitek selaras dengan garis panduan yang sedang berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, sehingga kini pihak perunding arkitek masih belum mengemukakan pelan bangunan yang terkini kepada pihak KPM untuk penelitian dan tindakan selanjutnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, manakala bagi permohonan pembinaan SJKC Sim Mow Yu di Taman Bistari Perdana, Johor Bahru, dan SJKC Tun H.S. Lee di Bandar Cemerlang, Ulu Tiram, Johor masih dalam penelitian JPN Johor.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT]

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status cadangan pembangunan menaik taraf bangunan Pejabat Maritim Zon Kudat yang telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia ke-12 ini kerana kawasan perairan di Parlimen Kudat merangkumi daerah Kudat, Pulau Banggi dan Pitas yang agak luas dan perlu keutamaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Keselamatan perairan negara sentiasa menjadi antara keutamaan negara dalam merealisasikan hasrat Agenda Malaysia Madani, yang berlandaskan kepada prinsip-prinsip keadilan, kesejahteraan dan pembangunan yang seimbang. Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri melalui Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sentiasa komited memastikan keselamatan perairan negara terjamin dan memastikan pengawasan yang dilaksanakan lebih berkesan terutama melibatkan kawasan perairan yang luas termasuk di kawasan Parlimen Kudat yang meliputi daerah Kudat, Pulau Banggi dan Pitas.

Pejabat sedia ada Zon Maritim Kudat melibatkan dua lot bangunan dua tingkat yang disewa dan dilengkapi peralatan, fasiliti pejabat serta ruang kerja yang mencukupi untuk menampung jumlah kakitangan yang ada di Pejabat Zon Maritim Kudat. Setakat ini, tiada keperluan untuk pejabat tersebut dinaik taraf. Walau bagaimanapun, situasi ini akan dikaji dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan Zon Maritim Kudat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. WEE JECK SENG
[TANJUNG PIAI]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI DR. WEE JECK SENG [TANJUNG PIAI] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pandangan Kementerian mengenai masalah kekurangan guru Pendidikan Khas dan apakah langkah intervensi terbaru Kementerian bagi mengatasi isu ini dengan lebih holistik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam memastikan akses pendidikan yang sama rata diberikan mengikut keperluan murid daripada semua latar belakang termasuk murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK).

Sehingga 1 Oktober 2024, sebanyak 645 orang guru pendidikan khas baharu telah berjaya mengisi kekosongan perjawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) DG41. Daripada jumlah ini, sebanyak 578 orang guru telah ditempatkan di Program Pendidikan Khas Integrasi dan 67 orang guru telah ditempatkan di sekolah pendidikan khas di seluruh Malaysia.

Pengisian kekosongan ini menjadikan keseluruhan guru pendidikan khas di seluruh Malaysia berjumlah 19,563. Daripada jumlah tersebut, 11,142 merupakan guru pendidikan khas di sekolah rendah dan 8,421 guru pendidikan khas di sekolah menengah. Ini menunjukkan bahawa kekurangan guru pendidikan khas telah dapat diatasi melalui pelbagai inisiatif.

KPM melalui Jawatankuasa Teknikal Pengambilan dan Penempatan Guru KPM telah melaksanakan langkah intervensi bagi mengatasi isu ini dengan lebih holistik, iaitu melalui kerjasama dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan dalam memastikan lonjakan penambahan bilangan guru bagi memenuhi keperluan semasa dan menangani isu kekurangan guru pendidikan khas. Beberapa langkah intervensi yang telah dilaksanakan bagi mengatasi isu ini serta membolehkan KPM mempunyai lebih ramai calon guru berpotensi dilantik adalah seperti yang berikut:

- i. peluasan kluster mata pelajaran (KMP). Graduan yang memiliki bidang pengkhususan utama tertentu boleh memohon untuk mengisi kekosongan mata pelajaran lain yang dikategorikan dalam kluster sama;
- ii. pengambilan guru juga diperluaskan kepada graduan-graduan

SOALAN NO : 38

- berpotensi tinggi dari universiti awam, universiti swasta dan universiti luar negara; dan
- iii. penubuhan Jawatankuasa Teknikal Pengambilan dan Penempatan Guru KPM bagi mengenal pasti perubahan mencakupi aspek dasar, kurikulum, program dan enrolmen keperluan guru serta bertujuan memastikan keseimbangan dalam pengambilan dan penempatan guru sekolah KPM.

KPM juga telah melaksanakan langkah intervensi terbaru Kementerian bagi mengatasi isu kekurangan guru pendidikan khas melalui:

- i. pengambilan calon guru bagi Program Praperkhidmatan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) lepasan STPM, STAM dan Program Matrikulasi merangkumi pelbagai bidang pengkhususan untuk keperluan guru sekolah rendah mulai tahun 2024; dan
- ii. pelantikan guru secara Contract of Service (CoS) dalam kalangan graduan yang tidak mempunyai ikhtisas pendidikan. Guru-guru lantikan CoS ini diberikan ilmu, kemahiran dan latihan melalui Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) selama setahun di IPGM.

KPM sentiasa komited dan proaktif dalam memastikan bekalan guru pendidikan khas mencukupi bagi melancarkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI
[PEKAN]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI [PEKAN] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan:

- a) inisiatif dan pelan galakan yang dilaksanakan oleh Kementerian dalam membantu Malaysia Aviation Group (MAG) mempertingkatkan jumlah jurutera berkemahiran tinggi; dan
- b) bagaimana Kementerian memastikan isu dan masalah rantaian bekalan tenaga kerja di MAG tidak menjadi punca kepada masalah dalam pengoperasian pesawat yang menjelaskan sistem dan jadual penerbangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menurut Malaysia Airlines Berhad (MAB), operasi syarikat penerbangan tersebut yang terjejas sejak kebelakangan ini adalah disebabkan oleh isu teknikal dan isu kekurangan bilangan pesawat untuk beroperasi. Faktor penyumbang kepada berlakunya masalah ini termasukkekangan rantaian bekalan komponen mekanikal (masa menunggu pesanan tempahan yang panjang), pesawat yang semakin berusia dan faktor luaran lain yang merupakan sebahagian daripada normalisasi berterusan operasi penerbangan di peringkat global pasca pandemik, termasuk ketersediaan pekerja mahir dalam bidang kejuruteraan penerbangan dan berkaitan.
2. Kekurangan bahan mentah juga didapati mengehadkan pengeluaran alat ganti yang memberi kesan kepada *Turn Around Time* (TAT) kepada pembekal enjin bagi semua pesawat. Kekurangan bahan mentah dan rantaian bekalan ini juga menyebabkan alat ganti yang ditempah mengambil masa yang lama untuk diperoleh.
3. Perkara-perkara yang telah dinyatakan menyumbang kepada bilangan ketersediaan pesawat untuk beroperasi ditambah pula dengan kelewatan penerimaan pesawat baharu pada tahun ini, menyebabkan bilangan pesawat yang sedia untuk beroperasi adalah kurang daripada perancangan asal.
4. Bagi memperkuatkan aspek-aspek penyelenggaraan pesawat, MAB telah mengambil beberapa langkah komprehensif seperti berikut:
 - i. Membatalkan beberapa rangkaian penerbangan dalam dan luar negara secara sementara. Langkah pembatalan rangkaian penerbangan ini adalah perlu bagi memastikan ketahanan jangka panjang pesawat dan keteguhan operasinya. Melalui pembatalan rangkaian penerbangan secara sementara ini akan membolehkan penyelenggaraan yang lebih proaktif dilakukan terhadap pesawat, mengurangkan risiko kerosakan pesawat dan memberikan

pengalaman penerbangan yang terbaik kepada pelanggan. Keputusan ini juga adalah untuk memastikan standard keselamatan MAB bukan hanya dikekalkan tetapi diperkuuhkan;

- ii. MAB juga telah menjalankan siasatan menyeluruh terhadap isu teknikal semasa dengan mengenal pasti dan membetulkan punca, serta menambah baik protokol dan prosedur penyelenggaraan bagi memastikan piawaian keselamatan yang ditetapkan dapat dicapai;
- iii. Semua langkah penyelesaian masalah (*troubleshooting*) yang diperlukan untuk mengasingkan kerosakan sedang dilakukan menggunakan manual penyelenggaraan pesawat terkini yang telah diluluskan. Dalam hal ini, MAB telah menggunakan teknologi moden dalam penyelenggaraan pencegahan dan ramalan untuk menjangka dan menangani isu sebelum ianya menjadi kritikal;
- iv. MAB juga sedang bekerjasama rapat dengan pengeluar pesawat dan enjin serta rangkaian pembekal yang berkaitan untuk menangani isu rantaian bekalan dan teknikal;
- v. Di samping itu, MAB juga sedang memberikan tumpuan kepada peningkatan latihan dan pengambilan pekerja bagi menangani isu peningkatan permintaan dan kompleksiti pesawat moden; dan
- vi. Secara kolektifnya, langkah-langkah ini dilakukan bertujuan untuk memulihkan keyakinan penumpang dan bagi memastikan penerbangan yang lebih selamat serta lebih dipercayai oleh penumpang.

5. Untuk makluman Ahli-Ahi Yang Berhormat juga, berdasarkan audit terkini Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) ke atas syarikat MAB, tempoh pembaharuan Sijil Perakuan Pengendali Udara (AOC) akan dikurangkan daripada tiga tahun kepada satu tahun sahaja bermula 1 September 2024 hingga 31 Ogos 2025. Oleh yang demikian,

syarikat penerbangan perlu melalui proses pengauditan sebelum AOC diperbaharui. Tempoh AOC yang lebih pendek akan mewajibkan audit yang lebih kerap. Hal ini bagi memastikan MAB mengambil tindakan-tindakan penambahbaikan sewajarnya sebagai mana pelan mitigasi yang telah dikemukakan oleh CAAM.

6. CAAM akan meneruskan pemantauan dan menjalankan pengauditan keselamatan terhadap semua pesawat yang dimiliki oleh syarikat-syarikat penerbangan yang beroperasi dalam negara dalam memastikan aspek-aspek keselamatan dan perihal selamat dipatuhi sewajarnya. Kementerian ini menegaskan bahawa Kerajaan tidak akan berkompromi dalam perkara yang melibatkan keselamatan penumpang penerbangan.

7. Pada April tahun ini, MAVCOM telah menentukan prestasi *On-Time Performance* (“OTP”) dan sasaran pembatalan penerbangan bagi syarikat penerbangan Malaysia yang beroperasi dari Terminal 1 dan 2. Syarikat penerbangan dikehendaki mencapai sasaran 85% OTP dan mengendalikan sekurang-kurangnya 80% daripada penerbangan berjadual mereka setiap bulan. Keputusan prestasi syarikat penerbangan itu diterbitkan di laman web MAVCOM.

8. Berdasarkan OTP MAB untuk penerbangan yang berlepas dari Terminal 1 pada bulan Ogos 2024, syarikat penerbangan tersebut merekodkan OTP 54.7% untuk penerbangan antarabangsa dan 58.2% untuk penerbangan domestik. Sebaliknya, bagi bulan September 2024 MAB telah menunjukkan peningkatan dengan OTP untuk penerbangan domestik dan antarabangsa masing-masing mencatat 78.1% dan 72.0%.

9. MAVCOM akan terus memantau kelewatan dan pembatalan penerbangan syarikat penerbangan melalui penyerahan data bulanan daripada syarikat penerbangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berikut sambutan menggalakkan bagi Projek Rintis yang dilaksanakan oleh Bank Negara bagi Pelabur Residen Berkelayakan, apakah rancangan Kerajaan untuk meneruskan program ini serta cabaran yang dijangka timbul dalam pelaksanaanya pada masa hadapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada April 2024, Bank Negara Malaysia (BNM) telah meluncurkan program rintis yang dikenali sebagai Pelabur Pemastautin Berkelayakan atau *Qualified Resident Investor* (QRI) yang menyasarkan syarikat pemastautin besar yang mempunyai pelaburan langsung luar negeri atau *direct investment abroad* (DIA).

Program rintis ini bertujuan untuk terus menggalakkan syarikat pemastautin membawa pulang dan menukar dana mata wang asing hasil pelaburan luar negeri, di mana kelulusan secara dasar akan diberikan oleh pihak BNM sekiranya syarikat tersebut ingin melabur semula di luar negeri dengan menggunakan dana yang telah dibawa balik dan ditukarkan kepada ringgit. Inisiatif ini dijangka dapat menggalakkan pegangan ringgit oleh syarikat pemastautin dan memastikan aliran dana bersifat dua hala (*two-way flow of fund*) dalam pasaran pertukaran asing.

Program QRI telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2024 untuk menerima permohonan daripada syarikat pemastautin layak yang mempunyai aset DIA berjumlah RM1 bilion dan ke atas.

Sehingga kini, program QRI telah mencatat hasil yang memberangsangkan dengan aliran masuk tambahan lebih USD1 bilion direkodkan di pasaran pertukaran asing domestik. Aliran dana tambahan ini juga menyokong prestasi ringgit dan menyumbang kepada pemulihan ringgit yang telah diperhatikan sejak beberapa bulan kebelakangan ini.

Program ini masih di fasa rintis bagi membolehkan pihak BNM menilai keberkesanan program tersebut. Pihak BNM akan mengambil kira pelbagai aspek sebelum memperluaskan lagi program tersebut termasuk manfaat kepada syarikat pemastautin yang mempunyai pelaburan luar negeri, kebolehlaksanaan operasi dalam melaksanakan inisiatif dalam skala yang besar dan impak kepada pasaran pertukaran asing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN
[KLANG]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini projek-projek pembangunan sekolah baharu di kawasan Parlimen Klang, khususnya di Bandar Bukit Raja, Bandar Parklands, Canary Garden, Bayu Emas dan D'Laman Greenvile.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Pembinaan Sekolah Baharu 36 Bilik Darjah Dan Lain-Lain Kemudahan Mengikut Piawai Di SK Bukit Raja, Klang, Selangor telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) *Rolling Plan 2* (RP2) tahun 2022 dengan kos projek berjumlah RM75.6 juta. Skop projek ini meliputi pembinaan baharu 36 bilik darjah, pra sekolah dan kemudahan-kemudahan lain yang berkaitan. Projek ini dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) melalui kaedah Konvensional Perunding. JKR Malaysia telah mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada kontraktor pada 13 September 2024 dan tarikh milik tapak adalah pada 25 September 2024. Projek ini dijangka siap pada bulan September 2027.

Selain itu, KPM telah menerima satu cadangan daripada pihak swasta berhubung projek pembangunan sekolah baharu secara Kerjasama Awam Swasta di Bandar Parklands, Daerah Klang untuk membangunkan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Parklands dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Petaling Utama Secara Pertukaran Tanah. Projek ini bersifat inisiatif swasta (*unsolicited proposal*) yang akan dilaksanakan melalui model Pertukaran Tanah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri telah menimbang dan bersetuju untuk memberikan kelulusan prinsip kepada pihak syarikat yang terlibat pada 9 Ogos 2023 untuk memulakan rundingan awal. Susulan itu, Kementerian Pendidikan, Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS, JPM) dan pihak syarikat telah mengadakan beberapa siri rundingan untuk meneliti cadangan tersebut. Dalam hal ini, makmal pengurusan nilai telah diadakan pada 7-11 Oktober 2024 untuk memuktamadkan skop dan kos projek bagi memastikan pulangan terbaik kepada Kerajaan.

Selain itu, terdapat permohonan dua projek, iaitu pembinaan baharu Sekolah Kebangsaan Kota Bayuemas, Klang dan perolehan tanah bagi

SOALAN NO : 41

pembangunan Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Raja, Klang yang telah dikemukakan dalam RMKe-12 RP5 tahun 2025.

Bagi mengatasi kepadatan di Parlimen Klang, KPM juga telah mempunyai perancangan untuk mengemukakan beberapa permohonan pembinaan sekolah baharu dan perolehan tanah dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) bagi lima kawasan yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Antaranya perancangan pembinaan SK Bandar Parklands dan SMK Bandar Parklands. Seterusnya perancangan perolehan tanah SMK KSL Bestari di Canary Garden. Akhir sekali perancangan pembinaan SK Pendamar Indah dan SMK Pendamar Indah di D' Laman Greenvile.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan cabaran pasca-pandemik dalam konteks Revolusi Perindustrian 4.0 dan bagaimana Kementerian merancang mentransformasi kurikulum serta kaedah pengajaran bagi memastikan murid berdaya saing global sambil menangani ketidaksamaan pendidikan bandar-luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedar bahawa cabaran pasca-pandemik dalam konteks Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0) adalah kompleks dan memerlukan pendekatan strategik serta holistik. Dalam tempoh ini, KPM melihat perubahan besar dalam cara pembelajaran dan pengajaran, terutamanya dengan penggunaan teknologi digital.

Pandemik ini telah membawa pelbagai cabaran kepada sistem pendidikan di seluruh dunia, termasuk Malaysia. Pandemik COVID-19 juga telah mempercepatkan perubahan teknologi dalam pendidikan dan kini, KPM perlu bersedia menghadapi cabaran yang berkaitan dengan IR 4.0 untuk memastikan murid mampu bersaing pada peringkat global.

Antara cabaran utama yang dihadapi KPM adalah keciciran pembelajaran dalam kalangan murid. Selain itu, jurang akses kepada teknologi antara kawasan bandar dan luar bandar masih lagi wujud. Terdapat murid di kawasan luar bandar dan pedalaman yang tidak mempunyai akses kepada peranti digital, sambungan internet yang stabil, dan infrastruktur teknologi yang mencukupi.

Sehubungan dengan itu, KPM telah melaksanakan Reformasi Pendidikan yang bertujuan mempertingkatkan lagi usaha dengan memberikan tumpuan kepada enam fokus utama iaitu, Pendidikan Digital, MBMMBI, Intervensi Kurikulum, Pendidikan STEM, Pendidikan TVET, dan Pendidikan Prasekolah sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI ke arah persediaan pelan pembangunan pendidikan baru.

KPM juga sedang menggubal Kurikulum Persekolahan 2027. Antara perubahan yang terdapat dalam kurikulum ini adalah penekanan kepada kompetensi murid. Tujuh kompetensi telah dikenal pasti dan dipetakan dalam kurikulum mata pelajaran melalui pendekatan pembelajaran yang bermakna dan mendalam untuk memastikan murid memiliki pengetahuan, kemahiran dan nilai yang bersesuaian dengan keperluan kehidupan.

SOALAN NO : 42

Selain itu, penambahbaikan juga melibatkan tahap persekolahan murid di sekolah rendah. Persekolahan murid dibahagikan kepada tiga tahap dengan fokus yang khusus bagi memperkembang potensi, minat dan bakat murid secara optimum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui Dasar Pendidikan Digital yang komprehensif dan berupaya mentransformasi ekosistem pendidikan ke arah digital, KPM telah melaksanakan pembekalan peranti PdP ke makmal komputer sekolah dan pembekalan capaian internet yang stabil dan berkelajuan tinggi 300 Mbps hingga 800 Mbps (1 talian) bagi menyokong pembelajaran murid di bandar dan luar bandar.

KPM juga memperluas kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) berteraskan teknologi, termasuk pembelajaran dalam talian seperti *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa). Platform ini menyediakan akses kepada pelbagai bahan pembelajaran, aplikasi dan alat digital untuk semua warga sekolah dan ibu bapa. DELIMa membolehkan murid dan guru menggunakan kandungan digital yang berkualiti untuk pembelajaran kendiri atau secara interaktif dalam talian. *Google Classroom* dan *Microsoft Teams* juga digunakan secara meluas untuk pembelajaran jarak jauh dan interaksi antara guru dan murid, terutamanya semasa sesi pembelajaran dalam talian.

KPM yakin usaha ini dapat mempersiapkan murid menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0, berdaya saing global sambil menangani ketidaksamaan pendidikan bandar-luar bandar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa peruntukan untuk membina sekolah baharu dan menaik taraf sekolah daif di Parlimen Tanjong Manis dalam Belanjawan 2025. Berapa jumlah peruntukan untuk tahun 2024 dan jumlah yang telah dibelanjakan sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah diluluskan peruntukan tahun 2024 sebanyak RM2.89 juta bagi pelaksanaan 12 projek pembinaan semula bangunan daif di sekolah di kawasan Parlimen Tanjong Manis. Agihan peruntukan dan perbelanjaan ini adalah berdasarkan kepada unjuran dan prestasi pelaksanaan sebenar projek di tapak. Sehingga 30 September 2024, sebanyak RM212,300.00 telah pun dibelanjakan oleh agensi pelaksana termasuk pembayaran kerja awalan siasatan tanah dan kerja ukur. Bagi permohonan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), *rolling plan* 5 (RP5), KPM telah mengemukakan permohonan perolehan tanah bagi tapak projek pembinaan sekolah dengan anggaran kos sebanyak RM2 juta .

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI
[IGAN]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI [IGAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah masalah murid yang tidak dapat menguasai asas 3M, (membaca, menulis dan mengira) di Sarawak sejak 2019 hingga kini. Nyatakan jumlah pelajar berkenaan termasuk di kawasan Parlimen Igan. Apakah tindakan dan perancangan yang telah dan akan dilakukan untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat berkaitan pendidikan untuk memastikan murid mendapat pendidikan berkualiti. Kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) merupakan elemen utama yang membentuk landasan pemahaman dan kecekapan murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, data pencapaian murid bagi negeri Sarawak bawah Program Pemulihan Khas pada tahun 2021 menunjukkan sebanyak 15.36 peratus (32,448) daripada 211,280 orang murid Tahun 2 hingga Tahun 6 yang belum menguasai 3M. Pada tahun 2022, sebanyak 12.20 peratus (21,226) daripada 174,004 orang. Tahun 2023, sebanyak 12.16 peratus (20,050) orang dan pada tahun 2024, sebanyak 12.05 peratus (18,432) daripada 152,934 orang.

Dapatan daripada pengesanan awal literasi dan numerasi serta intervensi Tahun 1 pula menunjukkan sebanyak 7.16 peratus (8,739) daripada 122,062 orang murid dikenal pasti belum menguasai 3M di Sarawak.

Bagi Parlimen Igan pula, data murid pemulihan khas bagi Sesi Akademik 2024/2025 berakhir pada 26 April 2024 menunjukkan seramai 664 orang (0.36 peratus) daripada 18,432 orang murid Tahun 2 hingga Tahun 6 yang masih belum menguasai 3M. Daripada 8,739 orang murid Tahun 1 (3.24 peratus) yang belum menguasai TP1, 283 orang murid tidak menguasai 3M.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi membantu murid sekolah rendah untuk menguasai 3M. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah pengesanan awal literasi dan numerasi serta program intervensi Tahun 1. Pengesanan awal ini dilaksanakan setelah murid mengikuti persekolahan selama tiga bulan. Murid yang telah dikenal pasti akan diberi bimbingan secara berfokus.

SOALAN NO : 44

KPM juga melaksanakan Program Pemulihan Khas dalam usaha membantu murid menguasai kemahiran asas tersebut. Murid Tahun 2 hingga Tahun 6 yang mengikuti program ini akan dibimbing secara khusus oleh guru pemulih. Murid ini akan diberi bimbingan secara berfokus di Kelas Pemulihan Khas bagi membantu mereka menguasai 3M.

Selain itu, KPM turut mengadakan reformasi pendidikan. Satu daripada reformasi tersebut ialah intervensi kurikulum yang melibatkan semua sekolah di Malaysia dengan mengadakan Penajaran Kurikulum Edisi 3 Tahap I dan penggunaan Modul Bimbingan (MOBIM) Tahun 1 dan MOBIM Tahap II. Semua usaha ini untuk membantu murid menguasai bahasa Melayu dengan baik tanpa mengira di mana lokasi murid itu berada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, autonomi diberikan kepada sekolah untuk melaksanakan intervensi mengikut kesesuaian persekitaran dan keperluan murid. KPM turut membekalkan bahan bantu belajar untuk murid dan modul bimbingan kepada guru khususnya dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran terbeza.

KPM juga mengadakan kerjasama dengan Kementerian Kewangan Malaysia melalui Unit Pantau Madani dan Yayasan Hasanah dalam pelaksanaan Program Anak Kita: Semarak Potensi Malaysia. Program ini merupakan satu daripada inisiatif bagi memberi intervensi serta membantu murid Tahun 2 hingga Tahun 6 yang terlibat dalam pemulihan khas secara berfokus di tujuh negeri, iaitu Kedah, Perak, Selangor, Johor, Kelantan, Sabah dan Sarawak.

KPM yakin program yang disusun ini dapat membantu meningkatkan penguasaan murid dalam 3M.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL
[BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengikut "Landasan Tahun Baharu Kementerian Pendidikan Tinggi 2024", melalui program-program perkaderan kepemimpinan muda (*Nurturing Young Leaders*) merupakan salah satu saranan. Nyatakan mengikut statistik terkini perkembangan program-program tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana yang disarankan semasa Majlis Landasan Hala Tuju Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) 2024, KPT melalui Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) telah melaksanakan program-program Perkaderan Kepimpinan Muda (*Nurturing Young Leaders*). Antara program yang telah dilaksanakan adalah:
2. Pertama, pelaksanaan **Program Permukiman Siswa dan Latihan Kepimpinan Muda Kebangsaan (KARISMA)** untuk memperkasa pembinaan karakter pemimpin dalam kalangan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Kesatuan Mahasiswa (KM).
3. Kedua, pelaksanaan **Program Pewaris Bakat Terbaik Negara KPT (PEWARIS TUNAS KARISMA)** melibatkan pelajar tahun pertama sesi akademik 2023/2024 dari 20 Universiti Awam (UA) menerusi modul kenegaraan, pemahaman berkaitan Gagasan Malaysia MADANI serta melatih daya tahan fizikal dan mental mahasiswa.
4. Ketiga, pelaksanaan **Program Global Student Leadership Summit 2024 (GSLS 24)** untuk meningkatkan kerjasama di peringkat antarabangsa dalam bidang pembangunan pelajar dan sukarelawan melalui aktiviti-aktiviti persidangan, perbincangan meja bulat dalam kalangan pemimpin mahasiswa dan misi kemanusiaan di peringkat antarabangsa.
5. Keempat, pelaksanaan **Program International Young Future Leaders Summit (iFUTURE 2024)** yang merupakan aspirasi KPT untuk memastikan generasi pelapis pemimpin negara ke arah mendokong dan mengarusperdanakan agenda pemerkasaan barisan kepimpinan mahasiswa yang berjiwa MADANI. Seramai 1,322 pelajar telah menyertai program ini yang merangkumi 954 pelajar tempatan melibatkan 20 buah UA dan 27 IPTS/ Politeknik serta 368 pelajar antarabangsa dari 47 buah negara.

SOALAN NO : 45

6. Kelima, pelaksanaan **Program Kesukarelawanan Mahasiswa**. Sebanyak 447 program kesukarelawanan telah dilaksanakan oleh 20 UA seluruh negara sehingga suku ketiga tahun 2024 yang melibatkan penyertaan seramai 26,181 orang sukarelawan pelajar.
7. Keenam, pelaksanaan **Program "In Person With Doc Zam"** yang julung kalinya diperkenalkan berkonsepkan *podcast* secara santai dan pengacaraan interaktif bagi menyuntik inspirasi berharga antara Menteri Pendidikan Tinggi bersama mahasiswa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IR. SHAHELMAY BIN YAHYA
[PUTATAN]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK IR. SHAHELMAY BIN YAHYA [PUTATAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah perancangan Kementerian untuk memperkenalkan reka bentuk baru bangunan high-rise bagi sekolah-sekolah di Sabah umumnya dan daerah Putatan khususnya, kerana berada di kawasan yang padat penduduknya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua murid di seluruh negara, termasuk di daerah Putatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan sekolah secara *high-rise* atau sekolah vertikal adalah merujuk kepada sekolah yang mempunyai bangunan akademik dan pentadbiran melebihi 4 tingkat. KPM tiada halangan berhubung cadangan pembinaan bangunan sekolah vertikal. Memandangkan perkara ini adalah selari dengan cadangan pembangunan sekolah menengah secara vertikal yang terdapat dalam Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Edisi tahun 2022.

Walau bagaimanapun, KPM berpandangan bahawa sebarang reka bentuk bagi pembinaan sekolah vertikal bukan sahaja bergantung kepada keperluan tetapi juga bergantung kepada skop, briif, kesesuaian dan keadaan tapak cadangan projek. Selain itu, KPM juga perlu mengambil kira kos kitaran hayat bagi setiap cadangan projek selari dengan ketetapan dalam Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan (Edisi Tahun 2024).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS]

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa kekosongan jawatan guru yang belum diisi di Lawas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap penempatan guru di sekolah rendah dan menengah seluruh negara bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat dilaksanakan dengan berkesan. Penyediaan unjuran keperluan guru merupakan aspek penting dalam perancangan sumber manusia untuk menyediakan guru yang mencukupi dan sesuai dengan keperluan opsyen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2024, jumlah waran perjawatan bagi sekolah-sekolah di daerah Lawas adalah berjumlah 840 dengan pengisian guru seramai 766 orang. Sementara itu, kekosongan guru di daerah Lawas adalah seramai 74 orang. Dengan ini, kadar pengisian guru di daerah Lawas adalah 91.2 peratus.

Bagi menangani isuimbangan penempatan guru, KPM melaksanakan penempatan guru mengikut unjuran, keperluan opsyen dan waran perjawatan guru yang telah diluluskan oleh Agensi Pusat. KPM juga mengenalpasti dan memantau kedudukan guru dari semasa ke semasa. Unjuran keperluan guru baharu dilaksanakan pada setiap tahun berdasarkan kekosongan perjawatan dan opsyen di sekolah KPM. Selain itu, KPM juga sentiasa bekerjasama dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan untuk melaksanakan penyelarasan pengambilan guru mengikut keperluan opsyen di sekolah.

KPM komited dalam melaksanakan penempatan guru yang seimbang mengikut keperluan opsyen dan perjawatan guru bagi memastikan sekolah mempunyai tenaga pengajar yang mencukupi agar proses pengajaran dan pembelajaran murid dapat dilaksanakan dengan optimum agar selaras dengan dasar pendidikan Madani.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Suruhanjaya Siasatan Diraja diperlukan berhubung jenayah yang dikaitkan dengan Global Ikhwan Services and Business Holdings Sdn. Bhd. (GISBH) dan bagaimana GISBH dapat beroperasi di seluruh dunia selama bertahun-tahun tanpa dikesan kesalahan mereka oleh pihak berkuasa. Adakah terdapat pegawai Kerajaan atau pemimpin politik yang terlibat atau bersubahat dengan GISBH.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, pihak Kementerian tidak bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja berhubung jenayah yang dikaitkan dengan Global Ikhwan Services and Business Holdings Sdn. Bhd. (GISBH). Pihak PDRM harus diberi ruang dan kepercayaan yang tinggi memandangkan siasatan dan operasi yang dijalankan oleh PDRM masih berjalan bagi menjelaskan saki baki pengikut kelompok ini.

PDRM juga sedang membuat pemantauan terhadap kegiatan GISBH diluar negara. Sekiranya terdapat kesalahan dari sudut undang-undang, tindakan akan diambil melalui *Mutual Legal Assistance* (MLA) dan Akta Bantuan Bersama Perkara Jenayah (MACMA) dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara dan pihak Interpol.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, berdasarkan siasatan PDRM sehingga hari ini, tiada sebarang bukti kukuh yang boleh mengaitkan pegawai kerajaan atau pemimpin politik terlibat atau bersubahat dengan GISBH. Walau bagaimanapun, KDN tidak menolak sebarang kemungkinan kerana siasatan PDRM masih diteruskan dari pelbagai sudut serta peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN [HULU LANGAT] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) Mengapa sekolah di Bandar Seri Putera masih lagi terbengkalai sedangkan pembangunan taman-taman perumahan di sekitarnya membangun dengan pesat dan keperluannya semakin mendesak; dan
- (b) apakah status pembinaan sekolah rendah dan menengah di Taman Prima Saujana.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha secara berterusan dalam memastikan penyediaan kemudahan sekolah adalah mencukupi dan berada dalam keadaan baik dan kondusif bagi menjamin keselamatan dan keselesaan warga sekolah.

Kepadatan murid di Bandar Seri Putra adalah dalam perhatian KPM. Terdapat dua buah sekolah di Bandar Seri Putra, iaitu Sekolah Kebangsaan Bandar Seri Putra dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Seri Putra. Kedua-dua sekolah tersebut sedang beroperasi secara dua sesi dengan bilangan kelas melebihi bilangan bilik darjah fizikal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah mengemukakan permohonan pembinaan sekolah baharu Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Seri Putra (2) dalam *Rolling Plan 5 Tahun 2025 RMKe-12*. Manakala KPM juga merancang mengemukakan permohonan pembinaan sekolah baharu Sekolah Kebangsaan Bandar Seri Putra (2) dalam RMKe-13. Kelulusan dan pelaksanaan projek adalah tertakluk kepada agensi pusat, keutamaan serta kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Berhubung cadangan pembinaan sekolah rendah dan sekolah menengah baharu di Taman Prima Saujana, KPM telah mengemukakan permohonan perolehan tanah bagi pembinaan baharu Sekolah Menengah Kebangsaan Prima Saujana, Hulu Langat, Selangor dalam RP5 Tahun 2025 RMKe-12.

Manakala, bagi pembinaan sekolah rendah pula, KPM akan mengemukakan permohonan perolehan tanah bagi cadangan pembinaan sekolah di Taman TTDI Groove dalam RMKe-13. Permohonan pembinaan kedua-dua buah sekolah baharu tersebut akan dikemukakan kepada agensi pusat dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) setelah selesai urusan perolehan dan pemilikan cadangan tapak tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR
[BATU PAHAT]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Akaun Imbangan Pembayaran khususnya kompenen Pampasan Pekerja yang defisit sejak dua dekad iaitu penghantaran pulang pendapatan pekerja warga asing di Malaysia dan sumbangan rendah pekerja warga Malaysia yang bekerja di luar negara. Apakah langkah oleh Kerajaan untuk mengurangkan defisit ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Komponen akaun pampasan pekerja direkodkan di bawah Akaun Pendapatan Primer Imbangan Pembayaran. Akaun pampasan pekerja telah mencatatkan defisit sejak beberapa dekad disebabkan oleh aliran wang keluar yang lebih tinggi secara konsisten. Aliran wang masuk bagi akaun pampasan pekerja menyaksikan trend penurunan pada tahun 2018 hingga 2020 yang masing-masing direkodkan sebanyak RM6.8 bilion, RM6.6 bilion dan RM6 bilion. Terimaan bagi akaun pampasan pekerja seterusnya menunjukkan trend peningkatan dengan aliran wang masuk sebanyak RM6.4 bilion dicatatkan pada tahun 2021 dan RM7.1 bilion pada tahun 2022. Momentum peningkatan dalam aliran wang masuk berterusan pada tahun 2023 iaitu sebanyak RM7.8 bilion. Pada separuh pertama tahun 2024, terimaan dalam akaun pampasan pekerja direkodkan sebanyak RM3.8 bilion.

Sementara itu, aliran wang keluar dalam akaun pampasan pekerja mencatatkan trend peningkatan bagi tempoh 2011 hingga 2016 sebelum menunjukkan peningkatan ketara pada tahun 2018 kepada RM14.4 bilion berbanding RM11.9 bilion pada tahun 2017. Bayaran terus meningkat dan mencatat RM15.8 bilion pada tahun 2019. Apabila pandemik COVID-19 melanda, aliran wang keluar bagi akaun pampasan pekerja berkurang kepada RM14.1 bilion pada tahun 2020 dan RM13.1 bilion pada tahun 2021. Bayaran dalam akaun pampasan melonjak kepada RM14.5 bilion pada tahun 2022 dan RM15.9 bilion pada tahun 2023. Peningkatan dalam bayaran tersebut mencerminkan aktiviti domestik yang kembali rancak seterusnya menyumbang kepada peluang pekerjaan serta peningkatan kepada pampasan pekerja.

Antara langkah yang dilaksanakan untuk mengurangkan defisit dalam akaun pampasan pekerja adalah melalui kepelbagai portfolio ekonomi domestik. Usaha ini dapat menyumbang kepada tarikan pelaburan ke arah mewujudkan industri dan aktiviti bernilai tambah tinggi dan berkualiti merentasi semua sektor domestik yang memberikan lebih banyak peluang kepada kepakaran dan guna tenaga tempatan. Selain itu,

SOALAN NO : 50

Kerajaan meneruskan usaha meningkatkan produktiviti pekerja melalui pembangunan kapasiti bagi memenuhi keperluan industri di samping menggalakkan penerimangunaan pendigitalan dan automasi.

Sekian, terima kasih.